

PENILAIAN TERHADAP KEBERKESANAN
PENGAJARAN DALAM KALANGAN
GURU-GURU KAFA DI KEDAH.

MOHD ISHA AWANG
YAAKOB DAUD
YAHYA DON
ABD LATIF KASIM

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

2014

PENGAKUAN TANGGUNGJAWAB

Kami, dengan ini mengaku bertanggungjawab atas ketepatan semua pandangan, komen teknikal, laporan fakta, data, gambar rajah, ilustrasi dan gambar foto yang telah diutarakan dalam laporan ini. Kami bertanggungjawab sepenuhnya bahawa bahan yang diserahkan ini telah disemak dari aspek hak cipta dan hak milik. Universiti Utara Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap ketepatan mana-mana komen, laporan dan maklumat teknikal dan fakta lain dan terhadap tuntutan hak cipta dan juga hak milik.

We are responsible for accuracy for all opinion, technical comment, factual report, data, figures, illustration and photographs in this report. We bear full responsibility for checking whether material submitted is subject to copyrights or ownership rights. UUM does not accept any liability for the accuracy of such comment, report and other technical and factual information and the copyright or ownership rights claims.

Ketua Penyelidik:

t.t

Dr. Mohd Isha Awang

Ahli-ahli:

t.t

Dr. Yaakob Daud

t.t

Dr. Yahya Don

t.t

Dr. Abd Latif Kasim

PENGHARGAAN



Alhamdulillah. Segala puji-pujian bagi Allah, Tuhan sekelian alam dan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W, kami panjatkan kesyukuran ke hadrat *Ilahi* kerana dengan limpah rahmat-Nya, kami dapat menyiapkan penyelidikan bertajuk Penilaian Terhadap Keberkesanan Pengajaran Dalam Kalangan Guru-Guru KAFA Di Kedah.

Pada kesempatan ini, kami barisan penyelidik ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Universiti Utara Malaysia melalui Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) yang telah menyediakan geran penyelidikan bagi menjalankan kajian ini.

Tidak lupa juga jutaan penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Agama Islam Negeri Kedah (JAIK) dan Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) kerana memberikan kerjasama dan kebenaran kepada pihak penyelidik dalam usaha mendapatkan maklumat dan data penyelidikan sehingga laporan kajian ini dapat disempurnakan.

Harapan kami, dapatan kajian ini dapat memberikan input dan manfaat kepada semua pihak terlibat dan seterusnya dapat membantu dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di negeri Kedah Darul Aman.

Jazakumullah khairan kathiran.

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Prof. Madya Dr. Mohd Isha Awang

Prof. Madya Dr. Yaakob Daud

Prof. Madya Dr. Yahya Don

Dr. Abd Latif Kasim

ABSTRAK

Pendidikan Islam Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) bertujuan melahirkan murid yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal soleh dan berakhlak mulia berdasarkan Al Quran dan As Sunnah. Lanjutan daripada itu pembelajaran KAFA juga diharap dapat melahirkan insan yang bertakwa serta mampu menyumbang ke arah mempertingkatkan tamadun, bangsa dan negara. Dalam usaha mencapai matlamat tersebut, ia banyak bergantung kepada keberkesanan peranan guru-guru dalam proses pembelajaran dan semasa berhubungan dengan murid-murid. Kajian berbentuk kajian tinjauan ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang jelas tentang keberkesanan amalan pengajaran guru KAFA dalam pelaksanaan pembelajaran KAFA di negeri Kedah Darulaman. Kajian yang melibatkan 113 orang guru KAFA dan seramai 236 murid ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen untuk mendapatkan data kajian. Analisis deskriptif digunakan bagi memerihal amalan pengajaran responden yang dikaji. Dapatan kajian menunjukkan tahap amalan pelaksanaan pengajaran dalam kalangan guru-guru KAFA di negeri Kedah adalah tinggi. Guru juga didapati mempunyai sikap yang positif terhadap pengajaran. Malahan murid juga memberikan maklum balas yang positif terhadap pengajaran guru. Beberapa aspek yang mungkin wajar diberikan perhatian ialah pihak pengurusan pembelajaran KAFA yakni Jabatan Agama Islam Kadah wajar mengadakan bengkel-bengkel pengajaran kepada guru-guru demi meningkatkan lagi kompetensi guru dengan corak pembelajaran terkini dan berhadapan cabaran murid dan keperluan masa kini dan masa hadapan.

ABSTRACT

KAFA education is to produce students who are knowledgeable, high sense of piousness, competent, work righteousness and high morality based on the Quran and Sunnah. Consequently, KAFA was aimed aim to create a conscious and the ability to contribute and improving civilization, race and nation. In order to achieve these goals, it relies heavily on the effectiveness of the teachers' role in the learning process relating to the students. This research was a survey that aimed to gain insight into the effectiveness of teaching practices in the implementation of learning KAFA in Kedah Darul Aman. The study involved 113 teachers and a total of 236 students and questionnaire was used as an instrument to obtain the data. Descriptive analysis was used to describe the teaching practices of the respondents surveyed. The results showed the level of implementation among KAFA teachers in the state of Kedah was high. Teachers also found to have a positive attitude towards teaching. In fact, students have responded positively to the teacher. Several aspects should be given attention such as Kedah Islamic Religious Department should conduct workshops on teaching to help teachers to improve their competencies with updated learning patterns and to face the challenges of current and future needs of students.

DAFTAR KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN TANGGUNGJAWAB	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
<i>ABSTRACT</i>	iv
DAFTAR KANDUNGAN	v - vi
BAB 1 : PENGENALAN	
1.0 Pendahuluan	1- 3
1.1 Latar Belakang Kajian	3 – 5
1.2 Penyataan Masalah	5 – 7
1.3 Tujuan Kajian	8
1.4 Soalan Kajian	8
1.5 Kepentingan Kajian	9
1.6 Batasan Kajian	9 -10
1.7 Definisi Operasional	10 – 11
1.8 Kesimpulan	11
BAB 2 : SOROTAN KAJIAN	
2.0 Pendahuluan	12
2.1 Pendidikan KAFA di Negeri Kedah Darul Aman	12 – 18
2.2 Peranan Guru dalam Pembelajaran	18
2.3 Guru yang Berkualiti	19 – 26
2.4 Tinjauan Kajian Terdahulu	26 – 34
2.5 Kesimpulan	34
BAB 3 : METODOLOGI	
3.0 Pendahuluan	35
3.1 Reka bentuk Kajian	35 – 36
3.2 Populasi dan Sampel Kajian	36
3.3 Instrumen Kajian	37
3.4 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	38
3.5 Prosedur Pengumpulan Data	38 – 39
3.6 Analisis Data	39 - 40

3.7	Kesimpulan	40
-----	------------	----

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	41
4.2	Demografi	41 – 44
4.3	Persepsi Murid Terhadap Guru KAFA	44 – 46
4.4	Persepsi Guru Dalam Pelaksanaan Pengajaran KAFA	46 – 52
4.5	Analisis Inferens Terhadap Pembelajaran KAFA	52 – 57
4.6	Maklum Balas Kepada Soalan Kajian	58 – 59
4.7	Kesimpulan	60

BAB 5 : PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

5.1	Pendahuluan	61
5.2	Ringkasan Kajian	61 – 63
5.3	Ulasan dan Perbincangan	64 – 69
5.4	Implikasi Kajian	69 – 70
5.5	Cadangan	70 – 72
5.6	Kesimpulan	72
	RUJUKAN	73 – 76

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Dalam era globalisasi yang begitu pesat kini Negara kita kian mengorak langkah untuk menuju ke arah kemajuan pembangunan Negara yang lebih sempurna. Salah satu daripadanya ialah perancangan pembangunan Negara adalah Wawasan 2020. Dalam mencapai pembangunan yang berkenaan aspek yang perlu diberikan penekanan ialah pembangunan kerohanian seseorang insan. Pembangunan seseorang insan pada peringkat awal dapat diterapkan secara formal melalui pendidikan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA). Matlamat pendidikan KAFA ini bertujuan untuk mendidik dan membentuk murid-murid kearah memperkembangkan fitrah individu (insan) selaras dengan Al-Quran dan As-Sunnah. Dengan itu akan membentuk insan yang kuat iman dan amalannya kepada Allah serta menghayati akhlak dan cara hidup Islam.

Tiga komponen utama dalam sistem pendidikan sesebuah negara ialah kurikulum, prasarana/infrastruktur dan sumber manusia. Dilihat dari aspek pembangunan sumber manusia, guru dianggap elemen penting yang menjadi nadi penggerak kepada keseluruhan jentera pendidikan. Peranan guru adalah penting dalam mendidik anak didiknya. Di dalam kelas guru berperanan sebagai pendidik, pemudah cara atau fasilitator. Guru yang pandai mendidik akan memudahkan pelajar memahami sesuatu konsep atau sesuatu kemahiran, manakala guru yang tidak pandai mendidik atau mengajar akan menyebabkan pelajar sukar untuk memahami sesuatu konsep atau sesuatu kemahiran, malah ianya akan menyebabkan pengajaran guru akan membosankan, pelajar-pelajar tidak memberi tumpuan dalam pelajarannya atau pelajar-pelajar tidak mahu masuk ke kelas. Oleh itu amalan pengajaran-pembelajaran guru yang berkesan

bermakna pengajaran guru tersebut di anggap baik jika guru tersebut berupaya mempelbagaikan kaedah pengajaran, menyediakan alat bantu mengajar (ABM), mendalami isi kandungan yang hendak di ajar. Selain itu, guru juga perlu mengetahui akan kebolehan pelajar menerima pelajaran, memberi motivasi kepada pelajar supaya belajar bersungguh-sungguh, dapat mengawal kelakuan pelajar, mengumpulkan pelajar mengikut kumpulan dan memberi penilaian atau ujian yang kerap kepada pelajar. Dengan kata lain pengajaran–pembelajaran yang berkesan merupakan kebolehan guru itu sendiri untuk mengajar dengan baik dan berkesan dan dapat memotivasi pelajar untuk terus belajar bagi mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik.

Sesuatu pelaksanaan akan menjadi lebih rumit apabila sesuatu aspek inovasi ditafsir secara berbeza-beza oleh pelbagai pihak yang melaksanakannya. Di dalam bilik darjah, guru memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran ini kepada murid-murid. Mereka ini bertanggungjawab untuk memperkenalkan inovasi dan kurikulum di sekolah. Untuk menjayakan sesuatu inovasi dalam kurikulum, guru-guru ini seharusnya diberi pendedahan mengenai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang baru untuk memenuhi kehendak inovasi tersebut.

Kualiti guru-guru bukan sahaja bergantung kepada pengetahuan dan kemahiran mereka sendiri tetapi juga bergantung kepada darjah motivasi mereka untuk menggunakan ilmu pengetahuan dan kemahiran tersebut secara berkesan (Sharifah, 1990). Untuk menguasai tahap kecekapan yang lebih tinggi mereka perlu menjalani proses menambah, mendalami dan memahami dunia keguruan serta menguasai pelbagai kemahiran melalui latihan-latihan yang dibentuk oleh

Kementerian Pendidikan Malaysia. Dengan berlakunya perubahan di dalam masyarakat pada amnya dan bidang pendidikan khususnya, guru-guru perlu mengemaskinikan tahap profesionalisme secara berterusan menerusi kursus-kursus dalam perkhidmatan. Dengan cara ini guru-guru yang terlatih dapat bersaing seiring dengan perubahan yang pesat dalam bidang pendidikan dan pembangunan. Mereka akan merasa bahawa mereka dapat memberi sumbangan yang bermakna terhadap matlamat pendidikan negara dengan menyumbangkan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar-pelajar di sekolah.

1.1 Latar Belakang Kajian

Dalam seminar kebangsaan pendidikan guru ke 10 pada tahun 1995, Siva Subramaniam telah membentangkan kertas kerja yang bertajuk “Mempertingkatkan Martabat Profesional Keguruan”. Menurutnya dalam kertas kerja tersebut, terdapat kes-kes opsyen guru tidak diambil kira semasa sesi penempatan dan pertukaran guru dan ini telah menyebabkan guru-guru terpaksa mengajar mata pelajaran di luar bidang pengkhususannya. Guru-guru tersebut tidak pakar dan tidak mempunyai pengetahuan dalam mata pelajaran yang diajarnya maka masalah-masalah akan timbul dan pengajaran yang berkesan tidak akan tercapai.

Menurut Abd. Rahim (1995) dalam kertas kerja yang bertajuk ‘Perkembangan Profesionalisme Keguruan Dalam Konteks Sekolah’ guru yang pakar dalam mata pelajaran yang diajar biasanya dapat menguasai pengetahuan dan mampu menyampaikan pengajaran dengan lebih berkesan. Tambahan lagi, cara penyampaian guru pakar dalam mata pelajaran yang diajar adalah lebih mudah difahami dan menarik minat pelajar. Dalam kajiannya, majoriti guru iaitu 82.8% berpendapat bahawa amat penting guru menguasai pengetahuan dalam mata pelajaran yang diajar. Dengan demikian guru-guru yang kurang pengetahuan dalam mata pelajaran yang diajar

tidak dapat menjalankan pengajaran yang berkesan terutamanya KHB yang merangkumi pelbagai aspek.

Sebagai penyinar ilmu, guru juga perlu dibekalkan dengan kemahiran supaya dapat menjadi penyampai ilmu yang berkesan, mampu memilih kaedah pengajaran yang sesuai dengan kebolehan dan minat pelajar (Abd.Main dan Abdullah Mohd.Noor, 1995). Menurut Marsh (1996) guru perlu mempunyai kemahiran yang mencukupi untuk mempraktikkannya dalam situasi yang baru dengan berkesan khasnya dalam kurikulum baru. Dengan mempunyai kemahiran yang mencukupi, barulah guru dapat member pengajaran yang lebih jelas dan berkesan.

Menurut Zulkiflee (1997), kemahiran amat diperlukan oleh seseorang guru untuk memantapkan lagi kebolehan guru mengembangkan isi kandungan mata pelajaran semasa mengajar. Isi kandungan mata pelajaran kebanyakannya mengandungi aspek pengetahuan dan kemahiran teknikal. Oleh itu guru bukan sahaja memerlukan pengetahuan mengenai kemahiran tersebut malah mereka perlu mahir dan berkeyakinan menunjukkan kepada pelajar-pelajar. Berdasarkan kajian guru lelaki lebih berkeupayaan mengajar topik teknikal berbanding guru wanita sementara guru wanita lebih berkeupayaan mengajar topik mengenai pengurusan diri termasuk jahitan berbanding guru lelaki.

Pengajaran yang berkualiti merupakan aspek penting dalam membentuk generasi yang seimbang. Umaedi (1999) menegaskan bahawa pendidikan memainkan peranan yang amat penting dalam proses pembangunan sumber daya manusia di sebuah negara. Pendidikan berkualiti tersebut

boleh didefinisikan sebagai sistem pendidikan yang dapat memuaskan keperluan dan harapan pengguna dan melalui proses penambahbaikan secara berterusan. Oleh itu, pendekatan kualiti yang digunakan dalam pendidikan adalah suatu pendekatan untuk mewujudkan sebuah institusi pendidikan yang efisien serta efektif bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Oleh itu, kualiti menjadi agenda utama kepada sesebuah organisasi pendidikan dan aktiviti penambahbaikan kualiti pula merupakan satu tugas mencabar yang perlu dihadapi oleh semua pihak.

Dalam hal ini, peranan dan tanggungjawab guru dalam proses pengajaran adalah penting dalam membentuk individu insan yang sempurna. Guru adalah penting dalam mendidik anak didiknya. Di dalam kelas guru berperanan sebagai pendidik, pemudah cara atau fasilitator. Guru yang pandai mendidik akan memudahkan pelajar memahami sesuatu konsep atau sesuatu kemahiran, manakala guru yang tidak pandai mendidik atau mengajar akan menyebabkan pelajar sukar untuk memahami sesuatu konsep atau sesuatu kemahiran, malah ianya akan menyebabkan pengajaran guru akan membosankan, pelajar-pelajar tidak memberi tumpuan dalam pelajarannya atau pelajar-pelajar tidak mahu masuk ke kelas.

1.2 Penyataan Malasah

Matlamat Pendidikan Islam KAFA adalah untuk melahirkan murid yang berilmu , beriman, berketerampilan, beramal soleh dan berakhhlak mulia berdasarkan Al Quran dan As Sunnah. Ia juga diharap akan melahirkan yang bertaqwa serta mampu menyumbang ke arah mempertingkatkan tamadun, bangsa dan negara.

Pendidikan KAFA di ajar kepada murid-murid tahun satu hingga tahun enam. KAFA menekankan kemahiran amali yang membimbing murid melaksanakan ibadat khususiyah selain daripada kemahiran aspek keimanan, kemanusiaan, kemasyarakatan dan kenegaraan. KAFA juga memberi tumpuan kepada pendidikan Asas Tilawah Al Quran, pembentukan akidah, bimbingan Fardu Ain, memupuk amalan Fardu Kifayah dan amalan adab yang berteraskan Akhlak Islamiah. Guru perlulah memastikan agar setiap murid menguasai ilmu yang disampaikan supaya setiap daripada murid mampu membentuk diri menjadi Muslim mukmin yang berilmu, beriman, beradab, berakhhlak mulia, bertanggungjawab, beramal soleh dan bertaqwa selaras dengan falsafah, misi dan visi KAFA.

Dalam usaha mencapai matlamat tersebut, ia banyak bergantung kepada keberkesanan peranan guru-guru dalam proses pembelajaran dan semasa berhubungan dengan murid-murid (Anderson, 2004). Guru-guru merupakan individu yang memainkan peranan utama sebagai pembolehubah proses pada peringkat sesuatu institusi pendidikan. Mengikut Creemer (1991), Scheerens (1992) dan Van Der Sea dan Schakel (2002) faktor amalan pengajaran guru di dalam bilik darjah seperti keperluan mewujudkan suasana pembelajaran yang berkesan merupakan suatu cabaran yang semakin kompleks dalam profesi keguruan kini.

Caroll (1963) berpendapat, pengajaran yang berkesan di pengaruhi oleh lima faktor, iaitu sikap (*attitude*), kebolehan untuk memahami pengajaran (*ability to understand*), ketekunan (*perseverance*), peluang (*opportunity*) dan pengajaran yang berkualiti (*Quality of instruction*). Mengikut Carroll lagi, jika sikap pelajar terhadap pelajaran adalah tinggi, ia mudah untuk memahami pengajaran dan dengan demikian itu pelajar akan tekun belajar dan akhirnya mudah

untuk memahami sesuatu konsep dan kemahiran. Begitu juga jika pengajaran guru itu baik maka pelajar akan belajar dengan mudah. Manakala Slavin (1994) terdapat empat faktor yang mempengaruhi pengajaran yang berkesan, iaitu kualiti pengajaran (*quality of instruction*), kesesuaian aras pengajaran (*appropriate level of instruction*), insentif (*incentive*) dan masa (*time*).

Pengajaran yang berkesan bermaksud guru berupaya untuk menyampaikan pengajaran atau konsep atau kemahiran yang mudah difahami oleh pelajar, mudah diingat dan menyeronokkan pelajar. Oleh itu, guru perlu menyampaikan isi pengajaran secara tersusun dan sistematik (Kallison, 1986); menggunakan bahasa yang jelas dan mudah (Land, 1987), penerangannya yang jelas, dan memberi contoh-contoh yang berkaitan (Mayer & Gallini, 1994); penekanan kepada isi-isi penting dan pelajaran itu cuba di kaitkan pula dengan pengetahuan dan pengalaman pelajar yang lalu dan yang sedia ada (King & Menke, 1992); dan menggunakan alat bantu mengajar (ABM) bagi membantu menerangkan sesuatu konsep (Hiebert, Wearne & Taber, 1991; Kazna 1991). Di samping, objektif pelajaran hendaklah jelas dan khusus, isi kandungan adalah mencukupi dan pada akhir sesuatu pelajaran, guru perlu mengadakan penilaian atau peperiksaan.

Persoalannya, bagaimanakah amalan pengajaran dalam kalangan guru-guru KAFA di bilik-bilik darjah yang dilaksanakan. Justeru, satu kajian perlu dijalankan bagi meninjau keberkesanan amalan pengajaran guru-guru berkenaan dan membantu dalam memartabatkan pendidikan KAFA di negeri Kedah Darul Aman.

1.3 Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian ini ialah untuk meninjau keberkesanan pengajaran dalam kalangan guru-guru KAFA. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk:-

1. Meninjau persepsi murid dan guru terhadap pengajaran kelas KAFA di bilik darjah;
2. Meneliti amalan pengajaran guru KAFA di bilik-bilik darjah;
3. Mengenal pasti faktor-faktor yang dominan amalan pengajaran yang berkesan.
4. Mengenal pasti hubungan antara sikap guru dan amalan guru KAFA dalam pengajaran.

1.4 Soalan Kajian

Berdasarkan tujuan kajian yang dinyatakan di atas, penyelidik mempertimbangkan beberapa soalan kajian yang akan dijawab dalam kajian ini seperti berikut:

1. Apakah persepsi murid terhadap pengajaran guru KAFA?
2. Apakah persepsi guru terhadap pengajaran KAFA?
3. Apakah tahap amalan pengajaran dalam kalangan guru-guru KAFA?
4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru terhadap pengajaran kelas KAFA mengikut jantina?
5. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap amalan pengajaran guru mengikut jantina?
6. Apakah faktor yang dominan terhadap amalan pengajaran guru KAFA?
7. Adakah terdapat hubungan antara sikap guru dengan tahap amalan pengajaran guru KAFA?

1.5 Kepentingan Kajian

Perlunya suatu agenda dalam penyelidikan pendidikan untuk mempastikan wujud suatu *ethos* yang bersesuaian ke arah meningkatkan keberkesanan pendidikan KAFA di seluruh Malaysia. Ini disebabkan belum banyak penyelidikan yang sedemikian rupa di Malaysia bagi melihat aspek pengajaran dan pembelajaran KAFA.

Hasil kajian ini dapat memperlihatkan amalan pengajaran yang dilaksanakan oleh guru-guru KAFA di Malaysia. Seterusnya, hasil kajian ini juga boleh dimanfaatkan oleh guru-guru dan pihak kerajaan bagi meninjau, mengenal pasti serta menilai kelemahan dan kekuatan mereka dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di institusi masing-masing. Hal ini penting kerana keputusan kajian dapat memberikan impaknya ke atas kualiti pendidikan KAFA di Malaysia.

Selain itu, kajian ini juga penting dalam memberikan gambaran kepada semua pihak termasuk pihak kerajaan dalam merangka dan memartabatkan pendidikan KAFA kepada semua murid dan ini memberikan implikasi besar dalam membentuk insan yang benar-benar berilmu, beriman dan bertaqwa serta menjadi warganegara yang unggul dalam semua aspek.

1.6 Batasan Kajian

Kebanyakan kajian lepas lebih menumpukan kepada kualiti dan amalan guru di sekolah di bawah Kementerian Pendidikan. Kajian ini hanya memfokuskan kepada keberkesanan guru daripada aspek sikap dan amalan mereka terhadap pengajaran kelas KAFA. Persepsi guru tersebut dinilai semula oleh pandangan murid mereka terhadap pembelajaran mereka semasa

mengendalikan kelas KAFA. Keberkesanan amalan yang dilihat dalam kajian ini terbatas kepada empat aspek sahaja, iaitu pelaksanaan pengajaran, keprihatinan guru, kawalan bilik darjah, pengurusan masa dan pengurusan aktiviti kokurikulum.

1.7 Definisi Operasional

Beberapa aspek yang diberikan penekanan dalam kajian ini seperti berikut.

1.7.1 Keberkesanan Pengajaran

Keberkesanan pengajaran didefinisikan oleh Zigmond (1996) termasuklah sebagai seorang guru yang memiliki sahsiah yang tidak dapat dilupakan oleh pelajar, mempunyai pengetahuan akademik yang tinggi dalam mata pelajaran yang diajar dan mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam pedagogi dan seterusnya boleh terjemahkan teori kepada amalan.

Dalam konteks kajian ini, keberkesanan pengajaran dilihat berdasarkan amalan guru di bilik darjah semasa pengendalian pembelajaran kelas KAFA dari aspek pelaksanaan pengajaran guru, tahap keprihatinan guru, pengawalan bilik darjah atau kelas, pengurusan masa dan kebolehan menguruskan aktiviti kokurikulum.

1.7.2 Guru

Menurut Wikipedia.com (2013) guru ataupun dikenali juga sebagai pengajar, pendidik, Mudarris dan pengasuh merupakan tenaga pengajar dalam institusi pendidikan seperti sekolah atau tuisyen (kelas bimbingan). Lazimnya guru perlu mahir dalam sesuatu mata

pelajaran serta diperkuuhkan pula dengan pengetahuan dalam bidang pedagogi atau sains prinsip pengajaran. Guru dalam kajian ini adalah dalam kalangan yang bergelar ustaz dan ustazah yang mengajar kelas Al-Quran dan Fardu Ain sama ada di masjid atau di sekolah dengan di bawah kendalian Jabatan Agama Islam negeri Kedah Darul Aman.

1.7.3 Kelas KAFA

Kelas KAFA ialah singkatan kepada Kelas Al-Quran dan Fardu Ain. Kelas yang diwujudkan untuk menjalankan kurikulum KAFA yang digubal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Kelas KAFA dikendalikan pada waktu pagi kepada murid-murid tahun 1 hingga 5 yang bersekolah pada sesi petang dan dikendalikan pada waktu petang kepada murid-murid yang bersekolah pada sesi pagi. Matlamat kelas KAFA adalah untuk membentuk insan yang kamil berpandukan ajaran Islam yang syumul.

1.8 Kesimpulan

Bab ini antara lain membincangkan latar belakang kajian secara menyeluruh daripada aspek pernyataan masalah, objektif dan kepentingan kajian, soalan kajian serta batasan kajian. Turut disentuh tentang definisi istilah secara operasional dalam kajian ini. Bab seterusnya akan membincangkan kajian-kajian lepas, aspek kaedah yang digunakan dalam kajian ini, dapatan kajian, perbincangan dan rumusan serta cadangan kajian selanjutnya.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.0 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan sejarah pendidikan KAFA secara ringkas dan kualiti guru. Perbincangan juga akan menyentuk kajian-kajian yang telah dijalankan yang berkaitan dengan pengajaran yang berkesan atau kualiti guru.

2.1 Pendidikan KAFA di Negeri Kedah Darul Aman

Pengajaran Al-Quran dan Fardhu Ain kepada murid-murid sekolah rendah telah mula dilaksanakan di negeri Kedah oleh Majlis Agama Islam sejak sebelum merdeka. Pada peringkat awal pelaksanaan, pengajaran dijalankan selama lima hari seminggu kepada murid-murid darjah 1 hingga darjah 5 di bangunan sekolah Melayu pada waktu petang. Aspek pentadbiran dan penyeliaan dipertanggungjawabkan di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dengan mendapat peruntukan daripada Kerajaan Negeri. Pada tahun 1960-an, kurikulum pendidikan agama dimasukkan ke dalam sukatan pelajaran di sekolah rendah dan semua guru Al-Quran diserapkan ke perkhidmatan Guru Agama Kementerian Pelajaran dan gaji mereka dibayar oleh Kementerian Pelajaran. Setelah pentadbiran diambil alih oleh Kementerian Pelajaran, kelas pengajian Al-Quran diwujudkan pada setiap hari Sabtu dengan peruntukan selama dua jam dengan dinamakan Darjah Khas Quran Tajwid.

Pada tahun 1976, lokasi pengajian Al-Quran dipindahkan pula ke masjid-masjid dan surau-surau selama tiga hari seminggu atau enam jam tempoh pengajaran seminggu. Keadaan ini menyebabkan Kerajaan Negeri telah mengadakan skim perkhidmatan baru yang dinamakan Skin Perkhidmatan Guru-guru Darjah Khas Quran Tajwid. Pada tahun 1979 pula, Kerajaan Negeri telah mewujudkan satu skim baru yang dikenali sebagai Skim Perkhidmatan Penyelia dan Guru Quran Tajwid Negeri Kedah dengan mengambil seramai 21 orang penyelia bagi menyelia pusat-pusat pengajian Al-Quran dan Tajwid di masjid-masjid dan seluruh surau di negeri Kedah yang berjumlah 569 pusat. Pengajian berlangsung selama lima hari seminggu mengikut sistem persekolahan dan bermula pada jam 2.30 petang hingga 5.15 petang.



Foto 1: Suasana Pembelajaran Dalam Bilik Darjah

Memandangkan perkembangan pengajian Al-Quran dan Tajwid yang semakin mendapat perhatian daripada masyarakat, pada tahun 1989 dengan persetujuan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kerajaan Negeri Kedah usaha

mempertingkatkan mutu pengajian Al-Quran dan Fardhu Ain terus dilaksanakan dengan memindahkan lokasi pengajian ke sekolah-sekolah rendah kebangsaan yang mempunyai satu sesi persekolahan. Pengajian Alquran dan Fardhu Ain ini dijalankan di sekolah selama empat hari bermula hari Ahad hingga hari Rabu setiap minggu mengikut sistem persekolahan.

Menjelang tahun 1995, diperkenalkan pula sistem pengajian KAFA dengan pengajian selama tiga hari seminggu iaitu pada hari Ahad, Isnin dan Selasa bermula dari jam 2.30 petang hingga 5.15 petang dengan melibatkan murid-murid tahun satu hingga tahun enam selama 6 tahun. Setelah peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dijalankan, murid-murid tahun satu hingga tahun lima sahaja yang mengikuti kelas KAFA, manakala murid tahun enam menumpukan kepada UPSR. Sesi kelas KAFA adalah mengikut sistem penggal persekolah atau semester selari dengan ketetapan Kementerian Pelajaran Malaysia.

Dari aspek kurikulum pendidikan KAFA, Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) telah menyusun satu kurikulum untuk Darjah Khas Quran Tajwid sejak selepas merdeka. Pada tahun 1974, kurikulum berkenaan telah disusun semula dan diguna pakai dalam tempoh 15 tahun. Dalam tempoh berkenaan juga perubahan demi perubahan telah dilaksanakan selari dengan perkembangan pendidikan dan perubahan kurikulum oleh Kementerian Pelajaran yang memperkenalkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1989. Pada tahun 1989 juga Jabatan Agama Islam Kedah (JAIK) telah menyemak semula kurikulum dengan menghasilkan kurikulum baru yang

dikenali sebagai Kurikulum Sekolah Khas Pendidikan Islam (KSPI) Negeri Kedah Darul Aman. Serentak dengan itu juga Darjah Khas Quran Tajwid digantikan dengan nama Sistem Pendidikan Islam (SPI) yang seiring dengan perkembangan pendidikan semasa. Pada 17 Oktober 1994, Jawatankuasa Penyelaras dan Pelaksanaan KAFA negeri Kedah bersetuju dilaksanakan KSPI oleh murid-murid Tahun 5 bagi sesi 1995/1996.

Matlamat SPI ini ialah bertujuan untuk memperkembangkan potensi individu murid sekolah rendah bagi melahirkan insan yang “kamil” yang selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Fokus SPI lebih menjurus kepada generasi muda dalam usaha melahirkan satu generasi mukmin yang berilmu dan beramal serta menghayati amalan-amalan dengan berdasarkan sumber ilmu pengetahuan yang sebenar dan menjadi insan yang bertaqwa dan beramal soleh yang seterusnya berupaya membaca Al-Quran dengan baik sebagai kitab suci umat Islam dan menjadikan setiap muslim mempunyai semangat cintakan Al-Quran dan menghormatinya sepanjang masa.

Pada tahun 2008, satu kurikulum baru bagi pendidikan KAFA diselaraskan bagi seluruh negara melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Pelaksanaan kurikulum KAFA 2008 ini memperuntukan masa pembelajaran selama 360 minit dalam seminggu dengan mengutamakan kepada pembelajaran Al-Quran dan amali. Tumpuan dalam kurikulum KAFA antaranya seperti berikut:

- a. Isi pelajaran
 - Menguasai kemahiran membaca dan menghafaz Al-Quran

- Pemahaman dan menyakini Rukun Iman dan Rukun Islam
 - Mematuhi dan mengamalkan asas-asas Fardhu `Ain dan Fardhu Kifayah
 - Pemahaman akidah dan boleh membezakan ajaran yang benar dan ajaran yang salah
 - Pemahaman perkara-perkara ibadat dan mengamalkan tingkah laku akhlak yang dituntut oleh Islam
 - Menguasai tulisan dan bacaan jawi
 - Pemaharan sirah dan pengajarannya untuk diteladani
- b. Kaedah
- Menyampaikan pengajaran dengan kaedah yang menarik, berkesan dan menyeronokkan
 - Mengaitkan pelajaran dengan kehidupan harian murid
 - Menggunakan kemahiran berfikir untuk percambahan fikiran
 - Menekankan contoh dan teladan yang baik
- c. Bahan Bantu Mengajar
- Menekankan amali dan berkaitan dengan tajuk
 - Menggunakan pelbagai bahan bantu
 - Menggalakkan penggunaan ICT
- d. Penilaian pencapaian murid
- Melakukan penilaian sebaik sahaja tamat satu-satu kemahiran
 - Melakukan penilaian setiap kemahiran amali yang diajar
 - Melakukan penilaian berdasarkan kriteria
 - Melakukan penilaian teori dan amali

Mata pelajaran yang diajar di kelas KAFA termasuklah: (1) Al-Quran yang merangkumi bidang tilawah, hafazan dan tafsir Al-Quran; (2) Akidah yang merangkumi Rukun Islam dan Rukun Iman; (3) Ibadat yang merangkumi ibadat Fardhu `Ain dan Fardhu Kifayah; (4) Sirah yang merangkumi sejarah para Rasul dan tamadun silam serta mengambil pengajaran daripada setiap yang berlaku; (5) Adab yakni akhlak Islamiyyah yang mengandungi adab mahmudah dan akhlak mazmumah; (6) Luqah (bahasa) Al-Quran yakni asas bahasa Al-Quran dengan melafazkan bahasa dan ayat yang mudah serta dapat menulis dengan baik; dan (7) Jawi dan Khat.

CONTOH JADUAL WAKTU PENGAJIAN KELAS SPI/KAFA						
Jadual Untuk Darjah 1 dan 2						
Hari	Masa	2.30–3.30 ptg.	3.30–4.00 ptg.	4.00–4.15	4.15–4.45 ptg	4.45–5.15 ptg
Ahad	Al-Quran	Hafaz	Feqah	I	Lughah Arabiah	
	Al-Quran	Sirah Rasul		A		
	Al-Quran	Hafaz		H		
Selasa	Al-Quran	Hafaz	Tauhid	R	Jawi/Khat	
	Al-Quran	Hafaz		F		
	Al-Quran	Hafaz		E		

Jadual Untuk Darjah 3, 4, 5 dan 6						
Hari	Masa	2.30–3.30 ptg.	3.30–4.00 ptg.	4.00–4.15	4.15–4.45 ptg	4.45–5.15 ptg
Ahad	Al-Quran & Hafaz	Tajwid	Feqah	I	Lughah Arabiah	
	Al-Quran & Hafaz	Sirah Rasul		A		
	Al-Quran & Hafaz	Tajwid		H		
Selasa	Al-Quran & Hafaz	Tajwid	Tauhid	R	Jawi/Khat	
	Al-Quran & Hafaz	Tajwid		F		
	Al-Quran & Hafaz	Tajwid		E		

Foto 2: Contoh Jadual Waktu Kelas KAFA

Kesimpulannya, pendidikan KAFA merupakan “satu usaha berterusan untuk mendidik dan membentuk pelajar-pelajar ke arah memperkembangkan fitrah individu (insan) selaras dengan kehendak Al-Quran dan As-Sunnah. Usaha ini bertujuan melahirkan muslim yang terdidik dengan didikan Al-Quran dan As-Sunnah yang kuat iman dan amalnya kepada Allah serta menghayati akhlak dan cara hidup Islam”. Sesungguhnya

pembelajaran Al-Quran dan Fardhu Ain adalah satu program pembelajaran sepanjang hayat yang berterusan bagi setiap individu yang bergelar muslim.

2.2 Peranan Guru Dalam Pengajaran

Guru atau pendidik berperanan penting sebagai pendorong, pembimbing, penggerak, pembentuk sahsiah, pemudah cara, ibu bapa dan penilai kepada pelajar serta menjadi penyampai atau pengajar sesuatu ilmu pengetahuan (Angelo, 2002; Hamidah Abdul Wahab, 1993). Svinicki (1990) berpendapat para guru harus membuang sikap yang berpendapat bahawa pengajaran itu hanya sebagai satu cara untuk menyelesaikan sukanan pelajaran dan sebagai tugas untuk membantu pelajar belajar.

Wan Zahid (1991) menjelaskan bahawa pihak yang amat penting dalam menentukan kejayaan dan kegagalan pendidikan adalah pada peringkat pelaksanaan iaitu guru. Kajian yang telah dibuat oleh Jamiah (2002) ke atas tenaga pengajar atau pensyarah dalam bidang pendidikan didapati amat relevan kerana tenaga pengajar merupakan individu awal yang memberikan pendedahan kepada bakal guru untuk persediaan kerjaya mereka di sekolah. Guru adalah faktor yang paling penting dan merupakan *technicians* yang bertanggungjawab terhadap keberhasilan dalam pencapaian pelajar melalui pengajaran dan bimbangannya.

2.3 Guru Yang Berkualiti

Dalam usaha merealisasikan pendidikan yang berkualiti, pelbagai strategi perlu dijalankan. Satu daripada strategi yang perlu dilaksanakan ialah melalui pengajaran guru itu sendiri perlulah mempunyai kualiti. Kamaruddin Kachar (1989) berpendapat

bahawa kualiti pengajaran bergantung kepada kualiti seseorang guru. Menurut beliau lagi, untuk mewujudkan satu sistem pendidikan yang berkualiti, pihak institusi pendidikan serta stafnya perlu berperanan dengan sebaik yang mungkin bagi mencapai matlamat disasarkan. Kajian-kajian telah dijalankan oleh tokoh-tokoh pendidikan dan pengurusan (Drucker,1969; Halpin,1966; Edmonds,1979 dan Mortimore,1991) telah menunjukkan bahawa kepemimpinan dalam pengajaran berperanan penting dalam menjayakan sesebuah organisasi.

Konsep pengajaran dan pembelajaran berkesan tidak hanya dipengaruhi oleh pengajaran guru sahaja tetapi boleh datang daripada pelbagai aspek. Walaubagaimanapun, pengajaran yang berkesan tidak dapat tidak berkait dengan pengajaran guru itu sendiri melalui kepelbagaian kaedah pengajaran, penyediaan alat bantu mengajar, mendalami isi kandungan yang hendak diajar, berpengetahuan tentang kebolehan pelajar menerima pelajaran, dapat memberi motivasi kepada pelajar, dapat mengawal kelakuan pelajar, mengumpulkan pelajar mengikut kumpulan dan yang terakhir membuat penilaian dengan berkesan. Pengajaran berkualiti bermaksud keupayaan guru untuk menyampaikan pengajaran atau kemahiran yang mudah difahami oleh pelajar, mudah di ingat dan menyeronokkan.

Oleh itu, guru perlu menyampaikan isi pengajaran secara tersusun dan sistematik (Kallison, 1986); menggunakan bahasa yang jelas dan mudah (Land, 1987), penerangan yang jelas dan memberikan contoh-contoh yang berkaitan (Mayer & Gallini, 1994), penekanan kepada isi-isi penting dan pelajaran itu cuba dikaitkan pula dengan pengetahuan dan pengalaman pelajar yang lalu yang sedia ada (King & Menker, 1992);

dan menggunakan alat bantu mengajar bagi membantu menerangkan sesuatu konsep (Hilbert, Wearne & Taber, 1991; Kozma, 1995). Di samping itu, objektif pelajaran juga hendaklah jelas dan khusus, isi kandungan adalah mencukupi serta guru perlu melaksanakan aktiviti penilaian bagi menentukan kejayaan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran.

2.3.1 Perancangan Pengajaran

Kejayaan sesuatu pelaksanaan pembelajaran amat bergantung kepada kecekapan dan ketrampilan guru dalam membuat perancangan dan menguruskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara berkesan. Dalam hal ini, Clarke dan Cutler (1990) menyatakan bahawa keberkesanan pengajaran bergantung kepada perancangan, pelaksanaan, penilaian terhadap proses dan objektif pembelajaran. Mengenal pasti dengan jelas objektif pengajaran merupakan salah satu ciri kualiti pengajaran. Pandangan ini disokong oleh Cohen et al, (1987) yang turut menyatakan bahawa guru harus membuat refleksi kendiri untuk menilai objektif pengajarannya setelah selesai pelaksanaan sesuatu pengajaran. Oleh itu, guru yang berkesan perlu memiliki pelbagai kemahiran seperti menggunakan bahan atau alat teknologi, berkemahiran dalam menyelami kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, peka tentang pengintegrasian perbagai teknik dan kaedah pengajaran. Guru juga perlu menguasai isi kandungan dan kemudiannya menyusun dengan sistematik. Guru perlu dapat mengenal pasti objektif pengajaran dan peka dengan latar belakang murid. Malah seseorang guru juga harus mahir dalam menentukan strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan pelajar serta bijak dalam memilih kaedah dan teknik pengajaran.

Dari aspek strategi pengajaran, Ibnu Khaldun (2000) mencadangkan agar guru memastikan setiap isi pengajaran dan masalah yang wujud semasa proses pengajaran dan pembelajaran hendaklah diselesaikan terlebih dahulu. Setelah masalah berkenaan telah selesai, maka baharu lah guru berkenaan berpidah kepada topik seterusnya. Ini akan memberikan kesan kepada pembelajaran murid-murid. Beliau juga turut mengemukakan pandangan bahawa dalam sesuatu pengajaran Tilawah Al-Quran, seseorang guru perlu memastikan murid-muridnya benar-benar dapat menguasai isi pelajaran yang diterangkan oleh guru agar mereka secara berterusan dapat menguasai kemahiran bacaan Al-Quran.

2.3.2 Pelaksanaan Pengajaran

Tugas seorang guru ialah menyampaikan pengajaran. Sebagai pengajar, guru seharusnya memiliki kemahiran dalam menyampaikan pengajarannya. Mok Soon Sang (2002) menyatakan bahawa peranan guru dalam pelaksanaan pengajaran meliputi menganalisis objektif dan kandungan sukatan pelajaran, melengkapkan diri dengan kemahiran mengajar. Di samping itu guru juga perlu memelihara kemahiran mengajar dengan baik dan mempelbagaikan penggunaan bahan bantu mengajar dalam memastikan pengajaran yang berkesan. Seterusnya dapat membuat penilaian dari semasa ke semasa bagi memastikan penguasaan murid terhadap isi pelajaran dan mengubah suai teknik dan kaedah mengikut kesesuaian murid dalam sesebuah kelas yang dikendalikan.

Dalam konteks ini, Al-Kailany (1986) mengemukakan tujuh (7) panduan kepada guru dalam proses pengapikasian kaedah pengajaran, iaitu:

- Kaedah mestilah sesuai dengan tujuan dan matlamat mata pelajaran yang diajar;
- Kaedah hendaklah sesuai dengan tabiat (*nature*) pelajaran yang diajar;
- Kaedah mestilah sepadan dan setara dengan umur pelajar;
- Kaedah mestilah mampu dilaksanakan oleh guru;
- Masa yang cukup untuk mengaplikasikan kaedah berkenaan; dan
- Kaedah yang dipilih adalah sesuai dengan kemudahan yang ada.

Terdahulu daripada itu, Al-nashmy (1980) mencadangkan agar guru memilih kaedah yang boleh memberikan kesan yang mendalam bukan sahaja kepada kefahaman murid tetapi juga memberikan kesan kepada jiwa dengan menyentuh perasaan murid agar murid berkenaan akan lebih memberika tumpuan dan dapat mengingat pelajaran dengan lebih cepat dan dapat kekal dalam ingatan lebih lama.

Sementara Ishak (1985) dan Abdul Qadir (1998) mengusulkan empat (4) kaedah pengajaran khususnya pengajaran membaca Al-Quran yang berkesan. Kaedah berkenaan ialah:

- i) Kaedah bacaan *at-Tahqiq* – bacaan yang tenang dan tidak dilakukan dengan gopoh dengan tujuan untuk mengajar dan menghayati kandungan dan hukum bacaan Al-Quran;
- ii) Kaedah bacaan *at-Tartil* – bacaan secara tenang tanpa gopoh dan bukan bertujuan untuk mengajar tetapi dilaksanakan dengan tujuan untuk menghayati kandungan Al-Quran;

- iii) Kaedah *at-Tadwir* – bacaan yang berkadar kelajuan sederhana dan tidak terlalu cepat dengan mengawasi hokum tajwid; dan
- iv) Kaedah bacaan *al-Hadar* – bacaan cepat tetapi masih mengawasi hokum tajwid.

2.3.3 Penilaian Pengajaran

Yap, Wan dan Ismail (1985) menakrifkan “penilaian” dalam pegajaran dan pembelajaran adalah satu aktiviti untuk mendapatkan maklumat yang berguna bagi menentukan sama ada sesuatu objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai atau sebaliknya. Hasan Langgulung (1995) pula berpendapat, penilaian bermaksud memberi nilai terhadap sesuatu atau menilainya berdasarkan prinsip tertentu dan seterusnya membuat keputusan berdasarkan maklumat yang diperoleh. Penilaian adalah satu aspek penting proses pengajaran. Dengan adanya proses penilaian, maklumat yang diperoleh membolehkan guru-guru membuat kawalan dalam bilik darjah, merancang pengajaran selanjutnya dan seterusnya memastikan proses penyampaian pengajaran berlangsung dengan lancar dan berkesan. Dalam bidang pendidikan, penilaian bermaksud suatu proses untuk mengetahui sejauh mana pengalaman pembelajaran yang telah dibentuk dan disusun dapat menghasilkan jangkaan yang diharapkan. Proses ini akan menentukan kekuatan dan kelemahan-kelemahan terhadap sesuatu perancangan dan proses pelaksanaannya. Pengalaman pembelajaran bermaksud suatu set hubungan yang dirancang dan dikawal antara pelajar, guru, bahan, alatan dan persekitaran bagi mencapai objektif yang telah ditentukan. Oleh itu, dalam proses penilaian memerlukan garis panduan yang jelas dan teratur bagi memastikan matlamat penilaian tersebut dapat dicapai dengan tepat dan seterusnya memberikan impak kepada murid-murid dalam pembelajaran mereka.

2.3.4 Hubungan Interpersonal

Dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat disampaikan berkesan hubungan guru dengan murid juga adalah penting. Interaksi antara guru dan murid yang lancar dapat membantu ke arah pembelajaran berkesan. Interaksi dua hala ini melibatkan guru sentiasa berusaha untuk berkomunikasi dengan murid dan seterusnya merangsangkan murid untuk belajar. Abdullah Hassan Adam, (2000) menyatakan komunikasi yang berkesan mempunyai lima ciri iaitu kefahaman, keseronokan, pengaruh ke atas sikap, perhubungan yang bertambah baik, dan adanya tindakan susulan. Kemahiran ini mempengaruhi kejayaan seseorang dalam kerjaya, dalam kehidupan peribadi, kebahagiaan hidup dan ia juga mempengaruhi kesihatan mental dan fizikal seseorang individu. Darus (1982) berpendapat bahawa hubungan rapat antara guru dan murid memainkan peranan penting dalam membantu guru untuk memilih strategi pengajaran untuk mampu menarik minat pelajar. Dalam hal ini, Arends (1994), menyatakan bahawa guru yang berkesan berupaya mewujudkan hubungan dengan pelajar serta dapat memupuk suasana penyayang bagi perkembangan murid. Dengan itu, guru perlu memahami dan mengetahui masalah yang dihadapi oleh murid apabila mengetahui dan memahami masalah murid, maka guru dapat berinteraksi dengan lebih lancar dan mewujudkan hubungan yang mesra bagi menjamin kejayaan dalam dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Dalam hal ini, Al-Kailany (1986), menegaskan bahawa seseorang guru perlu menyesuaikan diri, gaya bercakap, bercerita, menegur, membaca dan sebagainya mengikut tahap umur murid. Imam Al-Gahazali dalam kitab *Ihya Ulumuddin*

berpendapat seseorang guru harus mempunyai tujuh (7) sikap yang baik supaya pengajarannya mendatangkan kesan yang baik kepada pelajar. Sifat-sifat itu ialah:

- Sayang kepada murid seperti saying kepada anak-anak sendiri;
- Ikhlas dalam menyampaikan ilmu kepada murid-murid kerana tuntutan agama;
- Selalu menasihati murid agar mengamalkan akhlak yang baik dan menjauhi larangan Allah;
- Menjauhi perbuatan buruk atau berakhlek jahat;
- Jangan menghina guru lain lebih-lebih lagi di hadapan murid-murid;
- Pandai menyesuaikan diri dengan tahap umur murid; dan
- Beramal dengan ilmu tersebut.

Sementara Rashidi Azizan dan Abdul Razak (1996) telah mengariskan beberapa kriteria dalam menentukan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Antara kriteria yang perlu diambil tindakan oleh seseorang guru adalah:

- Seseorang guru perlu mengenal pasti objektif sesuatu pengajaran supaya dapat memastikan objektif berkenaan tercapai;
- Menyampaikan isi pengajaran dengan tersusun dan lancar bermula dengan penerangan konsep asas disusuli dengan contoh yang sesuai dan tepat serta penerangan yang jelas dan mudah difahami oleh murid;
- Memastikan murid dapat mendengar dengan jelas menerusi intonasi suara guru yang bersesuaian serta penggunaan *body language* yang betul semasa penyampaian pengajaran;

- Memaksimumkan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran; dan
- Membuat penilaian pengajaran secara berterusan bagi memastikan penguasaan pembelajaran pelajar berjalan lancar.

2.4 Tinjauan Kajian Terdahulu

Beberapa dapatan kajian menunjukkan bahawa wujudnya hubungan antara kualiti pembelajaran pelajar dengan persepsi pelajar terhadap kualiti pengajaran (Ramsden, 1991; Rowley, 1996; Stringer dan Irwing, 1998). Tambahan pula, pembelajaran juga amat berhubung kait dengan kepuasan terhadap kursus yang diikuti (Cohen, 1981; Guolla, 1999; Marsh, 1987; Rarnsden, 1991; Wilson dan Lizzio, 1997) kerana pembelajaran yang berkesan bukan sahaja dirangsang oleh kemahiran dan kecekapan pengajar, malah lebih kepada strategi yang menyeluruh. Pembelajaran juga dapat rnenggarnbarkan sejauh mana pelajar merasakan pengalaman pengajaran bermakna kepada mereka. Sementara pengajaran pula dikatakan sebagai berkesan sekiranya terdapat peningkatan prestasi pelajar secara konsisten dengan matlamat pengajaran selepas sesuatu tempoh pengajaran (Stringer dan Irwing, 1998) Penilaian keberkesanan pengajaran oleh pelajar merupakan pendekatan utama untuk mengukur kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Instrumen keberkesanan pengajaran oleh pelajar telah lama dibangunkan sebagai instrumen yang dianggap mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi dan juga dikatakan mempunyai nilai tambah dan manfaat yang secara langsung dalam

mengukur kepuasan pelajar (pelanggan) terhadap pendidikan (Ramsden, 1991). Antara instrumen penilaian keberkesanan pengajaran oleh pelajar yang biasa digunakan adalah seperti *Endeavor Irzstriument*, *Student Iiistriictional Rntiig System Form*, soal selidik *Studerit Description of Tenchirig* (SDT), *Studetits' Evnliaitionis of Educational Quality* (SEEQ), *Course E-rperience Qiiestoririaire* (lihat Centra, 1979; Marsh, 1987; Ramsden, 1991). Semua instrumen tersebut melibatkan pelbagai dimensi pengukuran kualiti pengajaran (Guolla, 1999; Richardson, 1994; Stringer dan Irving, 1998), yang mana pengukuran setiap dimensi menggunakan bilangan butiran yang berbeza. Sehingga kini, masih tiada persetujuan bersama tentang dimensi yang berkesan dalam mengukur kualiti pengajaran dan pembelajaran (Stringer dan Finlay, 1993), kerana apa yang lebih penting ialah tujuan penilaian dilakukan serta dimensi yang dipilih dapat membantu mencapai matlamat penilaian tersebut (Marsh dan Roche, 1992). Tambahan pula, bukan semua institusi pengajian memiliki proses penilaian oleh pelajar yang sistematis. Malah soalan yang digunakan dalam penilaian oleh pelajar terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran adalah berbeza bagi institusi yang berbeza atau jabatan yang berbeza biarpun dalam institusi yang sama (Ranisden, 1991).

Menurut Marsh (1987), mengukur keberkesanan pengajaran melibatkan konstruk yang pelbagai dimensi. Antara dimensi pengukuran keberkesanan pengajaran adalah seperti nilai, semangat pensyarah, penyusunan kandungan kursus, interaksi, skop liputan kandungan kursus, penilaian dan lain-lain lagi (Marsh, 1987). Sementara Ramsden (1991) menunjukkan bahawa pada peringkat jabatan atau fakulti terdapat beberapa ciri kualiti pengajaran iaitu pengajaran yang baik (penerangan yang jelas, semangat pengajar, kesudian membantu pelajar), kebebasan dalam pembelajaran, matlamat dan

standard yang jelas, beban tugas yang bersesuaian dan kualiti penilaian oleh tenaga pengajar. Semua aspek ini dikatakan mempunyai korelasi yang tinggi dengan keberkesanan pembelajaran oleh pelajar (Ramsden, 1991 ; Wilson dan Lizzio, 1997).

Terdahulu daripada itu, Gurney (1977) berpendapat analisis tentang persepsi pelajar terhadap keberkesanan pengajaran menunjukkan bahawa pelajar lebih menekankan aspek proses pengajaran, khususnya aspek kemanusiaan dan bukan produk pengajaran atau jumlah pembelajaran. Walau bagaimanapun, Jacob (1987) pula sebaliknya berpendapat faktor yang diberikan penekanan oleh pelajar semasa menilai guru mereka ialah dari aspek jumlah pembelajaran dalam kursus, keadilan tenaga pengajar, *impartiality*, organisasi, persediaan, hubungan dengan pelajar (*rappoport*) serta kepakaran dalam bidang pengajaran.

Kajian-kajian terdahulu seperti kajian Harvey (1993) tentang *Quality in Higher Education* mendapati kualiti pengajaran, kandungan program, penilaian oleh tenaga pengajar merupakan kriteria penting yang diberi perkadaran yang tinggi oleh pelajar dalam menilai kualiti pendidikan. Menurut Stringer dan Irwing (1998) pula, antara butiran yang kerap ditanya dalam kebanyakan instrumen penilaian adalah seperti penyusunan kursus, beban kursus, penilaian tugas dan peperiksaan, liputan kursus dan keberkesanan secara keseluruhan. Berdasarkan maklumat ini, didapati instrumen yang digunakan walaupun berbeza dimensi, tetapi mempunyai banyak persamaan dari aspek item-item yang dikemukakan. Dalam hal ini, Marsh (1987), berpandangan

persamaan dalam faktor-faktor penilaian menunjukkan bahawa kualiti pengajaran boleh ditentu dan diukur secara konsisten.

Kajian Saroyan dan Snell (1997) menunjukkan pengajaran berkesan bergantung kepada beberapa faktor seperti latar belakang falsafah dan pendidikan seseorang guru, pengetahuan tentang aspek pedagogi, penggunaan bahan bantu mengajar dan situasi persekitaran yang kondusif bagi pelaksanaan aktiviti pembelajaran. Kajian Patrick dan Smart (1998) pula yang mengkaji keberkesaan guru dengan menggunakan meta-inventori mendapati 266 orang responden menentukan keberkesaan berdasarkan tiga faktor iaitu menghormati pelajar, kebolehan mencabar pelajar serta organisasi dan kemahiran penyampaian.

Manakala Kimber dan Wang (2000) berpendapat keberkesaan pengajaran berkait rapat dengan cara pembelajaran murid itu sendiri. Kajian Trice dan Harris yang meninjau kualiti guru di Amerika dan Bulgaria mendapati penekanan yang penting kepada peranan guru dari segi hubungan dan *enthusiasm*.

Dalam konteks kajian dalam negara, beberapa kajian yang dijalankan oleh penyelidik (Sharil @ Charil Marzuki, 2004; Chee Kim Mang, 2008; Intan Safinas et al, 2007; Mahadi Abu Hassan, 2006) yang berkaitan dengan aspek pengajaran berkesan mahupun pengajaran yang berkualiti. Kajian Shahril Marzuki (2005) yang mengkaji tentang amalan pengajaran guru yang berkesan di beberapa sekolah menengah di Malaysia mendapati bahawa sampel guru yang dikaji melaksanakan perancangan pembelajaran terlebih dahulu dalam pengajaran dengan menyediakan buku rekod

pengajaran, membuat rujukan kepada sukanan pelajaran bagi memastikan ketepatan dalam penyampaian pengajaran serta menyediakan pelbagai bahan bantu pengajaran (BBM). Kajian beliau juga mendapati guru mengajar murid-murid mengikut kesesuaian atau kebolehan murid. Di samping itu, kajian beliau turut mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru tentang penyampaian pengajaran mengikut jantina.

Kajian Roslinda Yusof, Syafrimen, Noriah Mohd Ishak dan Amla Hj Salleh (2003) yang mengkaji kualiti profesionalisme guru-guru kaunseling mendapati kualiti kecerdasan emosi (EQ) dalam kalangan guru-guru yang dikaji sama ada sekolah rendah atau menengah dan bagi jantina lelaki dan perempuan adalah lebih kurang sama. Skor yang ditunjukkan menunjukkan tinggi dari aspek domain kerohanian dan kematangan. Keadaan ini menjadikan mereka sebagai guru yang tekun, sabar dan bermotivasi dalam melaksanakan tugas sebagai guru di sekolah masing-masing.

Sementara kajian Intan Safinas Mohd Ariff Al-Bakri, Fazilah Idris, Maznah Ibrahim dan Alawiah Ibrahim (2002) yang mengkaji tentang keperluan dan realiti pengajaran pengajian jarak jauh mendapati modul pembelajaran perlu disediakan dengan menumpukan pembelajaran kendiri. Dapatkan juga menunjukkan pensyarah perlu meningkatkan teknik pengajaran agar proses pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan serta prihatin dengan masalah dan latar belakang pelajar yang pelbagai. Kajian Mahadi Abu Hassan (2006) pula yang mengkaji kompetensi pensyarah dalam penjaran dan pembelajaran mendapati penekanan harus diberikan kepada pensyarah

dalam aspek kompetensi umum dan khusus. Para pensyarah juga perlu didedahkan dengan aspek pedagogi, pengukuran dan penilaian, teknologi pengajaran, penyeliaan dan penasihat pelajar, penyelidikan dan keperluan pembelajaran masa kini.

Kajian yang dilaksanakan oleh Ng Kim Choy dan Tan Chuan Joo (2001) berkaitan persepsi guru terlatih terhadap pengajaran berkesan menggunakan pendekatan kualitatif grid repertori mendapati kebanyakan konstruk tentang pengajaran berkesan lebih tertumpu kepada kemahiran pengajaran di bilik darjah, sifat guru, persediaan pengajaran, pemberian latihan dan kerja rumah serta pengurusan masa. Pengajaran berkesan juga ditunjukkan oleh kemahiran atau kebolehan asas dan juga minat untuk memajukan kerjaya. Di samping itu, dapatan juga menunjukkan bahawa guru yang ideal ialah yang memiliki sifat yang tegas dan berdedikasi. Kedua-dua sifat ini akan menjadikan seseorang itu guru yang unggul dan menghasilkan pengajaran yang berkesan.

Chee Kim Mang (2008) yang mengkaji kualiti guru permulaan keluaran sebuah institusi perguruan dari perspektif pentadbir menunjukkan bahawa pentadbir berpuas hati dengan guru permulaan yang berkhidmat di sekolah masing-masing. Pada umumnya, kajian mendapati kualiti guru lepasan Kursus perguruan Lepasan Ijazah (KPLI) lebih baik dari aspek kualiti guru dalam pengajaran di bilik darjah berbanding dengan guru lepasan Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM). Sebaliknya guru lepasan KDPM lebih cemerlang atau lebih berkesan daripada guru-guru KPLI dalam aspek pengendalian aktiviti kokurikulum. Di samping itu, pihak pentadbir turut

mencadangkan agar dimantapkan latihan perguruan di institusi latihan perguruan bagi memastikan guru permulaan dapat mengatasi cabaran semasa di sekolah terutama dari aspek kualiti diri guru, strategi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dan aktiviti kokurikulum di sekolah.

Kajian yang dilaksanakan berkaitan dengan pembelajaran KAFA amat kurang sekali. Kajian yang dilaksanakan oleh Mohd Yusuf Ahmad (2009) berkaitan dengan pembelajaran Pendidikan Islam di masjid. Kajian beliau menekankan kepentingan peranan masjid dalam penyebaran ilmu-ilmu Islam. Di samping itu beliau juga mencadangkan agar ilmu-ilmu lain yang menjadi keperluan semasa turut dilaksanakan di masjid-masjid. Bidang ilmu semasa yang dicadangkan termasuklah aspek kesihatan, pemakanan dan keselamatan demi memartabatkan kegemilangan masjid. Beliau turut menekankan agar kaedah penyampaian ilmu dapat dititikberatkan dengan pengaplikasian teknik-teknik tertentu dalam memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Cadangan beliau termasuklah memastikan guru-guru:

- menyusun objektif atau hasil pembelajaran dengan bijak;
- Muqadimah yang menarik;
- Menggunakan bantu mengajar yang sesuai (institusi masjid dan surau perlu menyediakan BBM yang sesuai); dan
- Membuat rumusan yang mantap.

Kajian Mohd Aderi Che Noh (2002) menyentuh tentang amalan pengajaran tilawah Al-Quran dalam kalangan guru sekolah menengah di Malaysia. Kajian beliau

mendapati tahap amalan pengajaran tilawah Al-Quran dalam kalangan guru adalah sederhana. Semua dimensi yang dikaji seperti permulaan pengajaran, penutup pengajaran dan penggunaan bahan bantu mengajar adalah pada tahap sederhana. Sementara dimensi perkembangan pengajaran berada pada tahap tinggi. Kajian beliau juga merumuskan bahawa amalan pengajaran tilawah Al-Quran hendaklah diberikan penekanan daripada pelbagai aspek pedagogi dan ciri-ciri seorang guru Al-Quran menguasai asas strategi, pendekatan dan teknik yang berkaitan tilawah Al-Quran.

Sementara kajian Nooraini Othman & Mazlyana Buhari (2011) menyentuh aspek keberkesanan Pendidikan Islam dalam membentuk personaliti. Dapatan kajian ini menunjukkan tahap keberkesanan Pendidikan Islam adalah tinggi. Ini dapat dilihat apabila responden dalam kalangan pelajar mengakui dapat memahami konsep yang menjurus kepada kehidupan seorang Muslim. Hanya segelintir responden sama ada dari sekolah menengah aliran agama atau bukan aliran agama yang tidak memahami pendidikan Islam dan tidak mengamalkannya. Dengan itu, kajian ini mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah aliran agama dengan sekolah bukan aliran agama dari aspek keberkesanan pendidikan Islam dan tahap personaliti islamik responden. Sementara ujian korelasi pula mendapati terdapat hubungan signifikan yang kuat ($r = 0.80$) antara tahap keberkesanan pendidikan Islam dengan tahap personaliti Islamik responden.

2.4 Kesimpulan

Pada umumnya, bab ini telah membincangkan dari aspek pengajaran berkesan dan meninjau kajian-kajian yang berkaitan. Dalam konteks pengajaran guru yang menyampaikan ilmu berteraskan Islam, beberapa aspek yang perlu dicerminkan oleh sesorang guru yang menyampaikan ilmu yang berteraskan ajaran Islam seperti yang dicadangkan oleh Al-Nahlawi (1988), iaitu (1) guru perlu tahu tujuan, tingkah laku dan pemikiran mestilah berasaskan *Rabbani*, (2) guru hendaklah ikhlas dengan mengajar demi mendapat keredhaan Allah, (3) guru perlu sabar dan jujur dengan tanggung jawabnya, (4) guru perlu berusaha menambah ilmu pengetahuan, (5) guru perlu mempelbagaikan kaedah dan teliti dengan pelaksanaan pengajaran, (6) guru perlu mampu mengawal dan menguasai pelajar dengan cara yang baik serta tegas dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, (7) guru perlu mengetahui tahap kebolehan pelajar dan memastikan kaedah yang digunakan adalah betul semasa penyampaian pengajaran, (8) guru perlu peka dengan perkembangan semasa dan dapat menggunakan perkembangan tersebut dalam menangani masalah semasa pelajar; dan (9) guru perlu adil terhadap semua pelajar dan tidak menunjukkan kecenderungan kepada individu atau kelompok tertentu.

BAB 3

METODOLOGI

3.0 Pendahuluan

Bab ini menghuraikan reka bentuk kajian, responden kajian serta proses pengutipan data. Seterusnya penyelidik akan memperincikan tentang prosedur penganalisisan data. Penyelidik juga menghuraikan cara memastikan kajian ini memberikan dapatan yang bermakna menerusi penerangan tentang aspek kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian yang digunakan.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Yin (1994) berpendapat bahawa reka bentuk kajian ialah pelan tindakan untuk bergerak dari satu tahap ke satu tahap yang lain. Sementara Nachmias & Nachmias (1992) menyatakan reka bentuk sebagai panduan yang memandu penyelidik dalam proses memungut, menganalisis dan mentafsir data yang diperoleh. Reka bentuk juga penting dalam membolehkan penyelidik membuat inferens berkaitan pemboleh ubah- pemboleh ubah yang dikaji.

Kajian ini bertujuan untuk menilai amalan pengajaran pendidikan KAFA di negeri Kedah Darul Aman. Kajian ini berbentuk deskriptif yang melibatkan pengumpulan data melalui kajian tinjauan. Kajian tinjauan digunakan bagi bertujuan meneroka, menerangkan dan memperincikan fenomena yang berlaku dalam aktiviti pengajaran pembelajaran KAFA. Tinjauan dilaksanakan melalui pengedaran soal selidik kepada responden guru dan murid kelas KAFA di negeri Kedah. Kajian ini

ini juga berbentuk kuantitatif dengan mengaplikasikan tinjauan keratan rentas berdasarkan soal selidik yang dijawab oleh responden.

3.2 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini ialah guru-guru KAFA dan murid-murid kelas KAFA di negeri Kedah Darul Aman. Persampelan kelompok (Cluster Sampling) digunakan memandangkan populasi adalah terlalu besar. Justeru, responden akan dipilih secara rawak menikut enam daerah di negeri Kedah. Daerah yang terlibat ialah daerah Kubang Pasu, Baling, Kuala Muda, Kulim, Kota Setar dan Pendang.

Sampel kajian dalam kajian ini terdiri daripada 113 orang responden guru dan 236 orang murid. Pemilihan sampel dilaksanakan secara rawak mudah dengan mengambil kira kajian ini sebagai kajian kes. Mengikut Sakaran (2000) saiz sampel melebihi 30 orang dianggap sesuai untuk kebanyakan kajian berbentuk tinjauan dan Gay & Diehl (1990) jumlah ini juga sudah memadai untuk kajian yang melihat hubungan dan perbandingan.

3.3 Instrumen Kajian

Kajian ini melibatkan penggunaan instrument soal selidik yang mengandungi sejumlah 30 item yang disesuaikan daripada Shahril Marzuki (2005) dan Noraini Idris et al. (2009) bagi meninjau pembelajaran Pendidikan KAFA di tempat kajian berkenaan.

Instrumen kepada guru dibahagikan kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama meninjau aspek demografi, iaitu yang berkaitan maklumat tentang daerah, umur, pengalaman mengajar, jantina, pernah menghadiri kursus serta tahap pendidikan guru. Bahagian kedua mengandungi soalan selidik berbentuk pernyataan persetujuan responden berkaitan sikap dan amalan mereka dalam pengajaran kelas KAFA. Soal selidik bahagian ini mengandungi item yang meninjau tentang sikap guru terhadap pengajaran kelas KAFA, amalan pelaksanaan pengajaran, keprihatinan guru, kawalan bilik darjah, pengurusan masa dan pengurusan aktiviti kokurikulum. Skala Likert 5 mata digunakan bagi menentukan persetujuan responden berkenaan.

Soal selidik murid mengandungi satu bahagian sahaja yang mengandungi 16 item yang memerlukan responden murid hanya menjawab sama ada bersetuju atau tidak. Item yang ditanya kepada murid termasuklah pandangan mereka terhadap guru, aktiviti pembelajaran kelas KAFA dan personaliti guru yang mengajar mereka di kelas KAFA.

3.4 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Bagi memastikan dapatan kajian benar-benar memberikan maklumat yang tepat, sesuatu instrument yang digunakan mestilah memiliki aspek kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi. Bagi menentukan aspek kesahan instrumen yang digunakan, penyelidik telah menggunakan instrumen yang telah pun digunakan oleh penyelidik lain yang telah diakui kesahan dan kebolehpercayaan. Dalam konteks

kajian ini penyelidik telah mengubahsuaiakan item-item dalam instrumen yang telah digunakan oleh Shahril Marzuki (2005) dan Noraini Idris et al. (2009).

Bagi memenuhi keperluan kajian ini, penyelidik telah melakukan kajian rintis bagi menentukan nilai kebolehpercayaan instrumen berkenaan. Hasil kajian rintis yang dijalankan, nilai kebolehpercayaan instrumen yang digunakan ialah 0.86 nilai *alpha cronbach*. Nilai berkenaan dianggap sudah memadai untuk instrumen berkenaan digunakan dalam kajian.

3.5 Prosedur Pengumpulan Data

Sebelum kajian ini dilaksanakan di pusat pembelajaran kelas KAFA sama ada di sekolah atau institusi yang telah ditetapkan, penyelidik telah mendapatkan kebenaran daripada pihak Jabatan Agama Islam Negeri Kedah (JAIK) dan Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) terlebih dahulu. Penyelidik telah mengadakan beberapa siri pertemuan dengan pegawai di jabatan tersebut bagi mendapatkan gambaran dan kebenaran untuk memungut data di institusi pendidikan milik jabatan terlibat.

Setelah mendapatkan kebenaran untuk memasuki kawasan dan institusi di bawah pentadbiran dan mengutip data, penyelidik telah mengadakan lawatan awal bagi mendapatkan gambaran awal tentang aktiviti pembelajaran di kelas KAFA di daerah yang terlibat. Di samping itu, lawatan awal ini dapat membina hubungan dan memudahkan penyelidik untuk mengutip data sebenar.

Seterusnya, penyelidik melakukan lawatan kedua untuk mengutip data menggunakan soal selidik guru dan murid di sekolah atau pusat pembelajaran KAFA yang telah

ditetapkan. Pentadbiran soal selidik dilaksanakan sendiri oleh penyelidik bagi memastikan tidak terdapat sebarang masalah berbangkit berhubung pengisian soal selidik berkenaan. Setelah semua soal selidik diperoleh, menyelidik memasukkan data untuk tujuan analisis data menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science*) Versi 21.

3.6 Analisis Data

Semua data yang telah dimasukkan menggunakan perisian SPSS. Analisis awal bagi menentukan data yang dimasukkan tidak mengandungi maklumat yang tercicir dan taburan data adalah normal. Hal ini penting bagi memastikan dapatan yang diperoleh benar-benar mencerminkan keadaan sebenar tentang aspek yang dikaji.

Analisis deskriptif menggunakan nilai kekerapan, peratusan dan nilai min dijalankan bagi melihat aspek demografi dan tahap sikap serta amalan pengajaran guru. Sementara analisis inferens dengan menggunakan ujian – T dan ANOVA dijalankan bagi menentukan perbezaan nilai min mengikut kumpulan responden. Sementara ujian korelasi digunakan bagi menguji sama ada terhadap hubungan antara sikap guru dan keberkesanan amalan guru dalam pembelajaran KAFA.

3.7 Kesimpulan

Bab ini membincangkan tentang reka bentuk kajian, populasi, dan pensampelan kajian serta prosedur pengutipan dan penganalisisan data. Pada umumnya, penyelidik telah memastikan instrumen yang digunakan dalam kajian ini memiliki tahap

kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi dengan mengubah suai instrumen yang telah sedia ada dan kemudian melaksanakan kajian rintis dalam memastikan tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Ini penting dalam memastikan dapatan yang diperoleh benar-benar memberikan gambaran tepat tentang isu yang dikaji.

BAB 4 **DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan

Bab ini akan memaparkan hasil analisis data yang diperoleh daripada data yang telah dikutip. Dapatkan akan diuraikan secara huraian deskriptif dan analisis inferensi yang melibatkan ujian – T dan analisis varian (ANOVA). Huraian secara deskriptif mencakupi aspek demografi atau profil responden dalam kajian nilai peratusan persetujuan responden terhadap pernyataan yang diajukan serta tahap nilai min yang menunjukkan keberkesanan sesuatu pengajaran yang dijalankan.

4.2 Demografi

Jadual 4.1 di bawah menunjukkan latar belakang demografi responden guru yang terlibat dalam kajian ini. Responden yang terlibat dalam kajian ini seramai 113 orang guru yang terdiri daripada 31 orang guru lelaki (27.4%) yang bergelar ustaz dan selebihnya 82 orang (72.6%) ustazah. Guru-guru yang terlibat pula datang daripada enam daerah di negeri Kedah. Daerah Kubang Pasu menunjukkan jumlah responden guru yang lebih berbanding daerah-daerah lain yang terlibat dalam kajian ini, iaitu seramai 32 orang (28.3%) diikuti daerah Kota Setar seramai 19 orang (16.8%). Sementara 18 orang (15.9%) responden dari daerah Baling, 17 orang (15.0%) dari Kulim dan masing-masing dari Kuala Muda dan Pendang seramai 16 (14.2%) dan 11 orang (9.73%) bagi daerah berkenaan.

Daripada jumlah responden tersebut, guru-guru KAFA di enam daerah yang terbabit dengan kajian ini telah berkahwin ($n = 103$, 91.2%) dan tujuh orang (6.2%) yang masih bujang. Kebanyakkan daripada guru-guru yang terlibat dalam kajian ini juga didapati telah menghadiri kursus yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran. Ini dapat dilihat berdasarkan pengakuan mereka bahawa 110 orang (97.3%) telah mengakui pernah menghadiri kursus yang memberikan pendedahan kepada mereka berkait dengan pengajaran dan pembelajaran KAFA.

Jadual 4.1 : Latar Belakang Profil Responden

Profil		Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	31	27.4
Perempuan		82	72.6
a			
Daerah	Kubang Pasu	32	28.3
r	Baling	18	15.9
i	Kuala Muda	16	14.2
p	Kulim	17	15.0
	Kota setar	19	16.8
	Pendang	11	9.73
a			
Status Perkahwinan	Berkahwin	103	91.2
d	Bujang	7	6.2
	Bercerai	3	2.7
a			
Pernah hadiri	Ya	110	97.3
Kursus	Tidak	3	2.7
1			
Latar Pendidikan	PMR	3	2.7
1	SPM /SMU	28	24.8
1	IV Sanawi	42	37.2
3	STPM	24	21.2
	Ijazah	4	3.5
	Lain-lain	12	10.2

Dari segi latar belakang pendidikan responden terbabit, 42 orang guru (37.2%) berkelulusan Sijil IV Sanawi yakni sijil sekolah agama, 28 (24.8%) orang memiliki

kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Menengah Ugama (SMU) dan 24 orang (21.2%) memiliki Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia. Terdapat juga responden yang memiliki Sijil Khas yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Kedah (JAIK). Bilangan responden yang memiliki Sijil Khas ini seramai 12 orang atau 10.2 peratus. Sementara empat orang guru yang memiliki ijazah pertama dan tiga orang berkelulusan Sijil Penilaian Menengah Rendah (PMR).

Jadual 4.2: Umur dan Pengalaman Mengajar

Profil		Kekerapan	Peratus
J			
Umur	21 hingga 30 Tahun	23	20.4
a	31 hingga 40 Tahun	40	35.4
	41 hingga 50 Tahun	29	25.7
d	51 hingga 60 Tahun	21	18.6
uPengalaman	1 hingga 5 Tahun	27	23.9
Mengajar	6 hingga 10 Tahun	37	32.7
a	11 hingga 15 Tahun	9	8.0
	16 hingga 20 Tahun	19	16.8
l	21 hingga 25 Tahun	11	9.7
	26 hingga 30 Tahun	9	8.0
	31 hingga 35 Tahun	1	0.9

Rajah 4.2 menunjukkan usia responden dan pengalaman mereka mengajar kelas KAFA. Secara umumnya, kebanyakan responden berusia antara 31 hingga 40 tahun ($n = 40$, 35.4%). Kumpulan usia kedua kekerapan yang tinggi ialah responden yang berusia antara 41 hingga 50 tahun (25.7%) sementara yang berusia lebih muda yakni usia antara 21 hingga 30 tahun seramai 23 orang (20.4%).

Dari aspek pengalaman mengajar pula, didapati hanya seorang guru yang memiliki pengalaman mengajar antara 31 hingga 35 tahun. Kebanyakan responden mempunyai

pengalaman mengajar antara 6 hingga 10 tahun (32.7%) di kelas KAFA. Seramai 27 orang (23.9%) telah mengajar selama 1 hingga 5 tahun, 19 orang (16.8%) mengajar 16 hingga 20 tahun dan masing-masing sembilan orang telah mengajar selama 26 hingga 30 tahun dan 11 hingga 15 tahun.

Jadual 4.3: Profil Responden Murid

J	Profil	Kekerapan	Peratus
Lelaki			
a	Perempuan	98 138	41.5 58.5

Jadual 4.3 menunjukkan responden dalam kalangan murid-murid kelas KAFA yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 236 orang murid. Seramai 138 (58.5%) orang perempuan dan selebihnya 98 orang ialah murid-murid lelaki.

4.3 Persepsi Murid Terhadap Guru KAFA

Dalam menentukan keberkesanan sesuatu pengajaran berkenaan berkesan atau sebaliknya, pandangan kedua-dua belah pihak perlu diambil. Bagi tujuan analisis awal, pandangan murid-murid dipaparkan terlebih dahulu.

Jadual 4.4: Persepsi murid terhadap pengajaran guru KAFA

Item	Ya (%)	Tidak (%)
Ustaz / ustazah saya seorang yang....		
1. pandai	234 (99.2)	2 (0.8)
2. mengajar saya hingga faham	235 (99.6)	8 (0.4)
3. suka menolong saya belajar	228 (96.6)	8 (3.4)
4. selalu memberikan perhatian kepada saya	209 (88.6)	27 (11.4)
5. selalu menyuruh kami berbincang	173 (73.3)	63 (26.7)
6. selalu bertanya sama ada faham atau tidak semasa belajar	224 (95.3)	11 (4.7)
7. seorang peramah	228 (96.6)	8 (0.4)
8. sangat garang	38 (16.1)	198 (83.9)
9. sangat baik	232 (98.3)	4 (1.7)

10. tidak garang	205 (86.9)	31 (13.1)
11. mengajar dengan bahasa yang mudah difahami	225 (95.3)	11 (4.7)
12. selalu berbincang dengan ibu bapa saya tentang saya	124 (52.5)	112 (47.5)
13. suka bercakap kasar	15 (6.4)	221 (93.6)
14. kerap tidak masuk ke kelas	11 (4.7)	225 (95.3)
15. memulakan kelas tepat pada waktu	194 (82.2)	42 (17.8)
16. selalu masuk lewat ke kelas	24 (10.2)	212 (89.8)

Berdasarkan Jadual 4.4 di atas, kajian mendapati item (2) yang menunjukkan peratusan tertinggi yang diakui oleh murid-murid yang terlibat dalam kajian ini. Keadaan ini menunjukkan pada umumnya murid-murid sangat berpuas hati dan mengakui bahawa guru-guru yang mengajar mereka dapat membimbing yakni mengajar sehingga dapat difahami oleh mereka ($n=235$, 99.6%). Hal ini selari juga dengan penggunaan bahasa yang mudah difahami oleh kebanyakan murid-murid semasa guru mengendalikan kelas ($n=225$, 95.3%).

Responden yang terdiri daripada murid-murid ini juga turut mengakui bahawa guru-guru mereka tergolong sebagai individu yang pandai ($n=234$, 99.2%). Guru-guru kelas KAFA juga didapati memiliki sifat-sifat yang disukai oleh murid-murid iaitu sangat baik dan tidak memiliki sifat yang mudah marah. Ini dapat dilihat berdasarkan pengakuan responden bahawa guru adalah sangat baik ($n= 232$, 98.3%) dan sangat garang ($n=38$, 16.1%) dan tidak garang ($n=205$, 86.9%).

Kadar ketidakhadiran ke kelas KAFA dalam kalangan guru juga adalah rendah. Ini hanya diakui oleh 11 orang pelajar (4.7%) berbanding yang mengatakan tidak (95.3%). Guru-guru juga memiliki sifat-sifat yang menepati masa apabila memasuki kelas pada waktu yang ditetapkan ($n=194$, 82.2%). Dari segi perbincangan dengan ibu bapa berhubung

dengan anak-anak mereka, kajian mendapati agak seimbang yakni masing-masing yang mengakui seramai 124 orang (52.5%) dan yang tidak mengakui seramai 112 orang (47.5%).

Jadual 4.5 : Persepsi murid terhadap guru

Item	Ya (%)	Tidak (%)
1. Saya suka ustaz / ustazah	228 (96.6)	8 (3.4)
2. Saya seronok belajar kelas KAFA	234 (99.2)	2 (0.8)

Apabila ditanyakan tentang sama ada responden dalam kalangan murid-murid ini sama ada suka dengan guru-guru yang mengendalikan kelas KAFA, didapati hampir 97 peratus mengakui menyukai ustaz dan ustazah mereka. Dengan itu mereka mengakui begitu seronok untuk belajar dalam kelas KAFA (n=234, 99.2%).

4.4 Persepsi Guru Dalam Pelaksanaan Pengajaran KAFA

Selain pandangan murid berhubungan pengajaran guru dan sikap mereka terhadap guru, pandangan responden dalam kalangan guru juga perlu diambil kira bagi melihat ada kesinambungan maklumat antara pandangan kedua pihak yang terbabit.

Jadual 4.6: Pelaksanaan Pengajaran Guru KAFA

Item	Min	SP
1. Merancang pengajaran	4.4779	.59907
2. Mempelbagaikan aktiviti dalam pengajaran	4.1504	.48589
3. Menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran	4.0000	.50000
4. Memantau pemahaman murid	4.5221	.50174
5. Menyampaikan pengajaran dengan jelas, sistematik dan memudahkan pemahaman murid	4.3982	.55965
6. Banyak memberikan latihan dan kerja rumah	4.1239	.69607
7. Semua isi pelajaran disampaikan berdasarkan sukatan pelajaran	4.5221	.55255
8. Dapat menguruskan rekod kemajuan murid mengikut masa yang ditetapkan	4.4867	.50205
Pelaksanaan pengajaran	4.3352	.35049

Jadual 4.6 menunjukkan dapatan kajian tentang aspek pelaksanaan pengajaran guru. Pada umumnya, tahap pelaksanaan amalan guru berada pada tahap yang tinggi ($M = 4.36$, $SD = 0.350$). Semua item yang dikaji menunjukkan nilai min melebih 4.00. Aspek tertinggi yang dicatatkan ialah dari aspek pemantauan murid ($M = 4.52$, $SP = 0.502$) dan penyampaian isi pelajaran berdasarkan sukatan pelajaran ($M = 4.52$, $SP = 0.553$). Sementara item yang mencatatkan nilai min yang lebih rendah tetapi masih tinggi tahap amalannya ialah penggunaan pelbagai bahan bantu mengajar ($M = 4.00$, $SP = 0.500$).

Jadual 4.7 : Tahap Keprihatinan Guru

Item	Min	SP
1. Memastikan semua murid mempunyai pengetahuan yang cukup tentang isi pelajaran	4.3540	.49858
2. Memastikan murid mempunyai sikap ingin belajar	4.3451	.57894
3. Sentiasa memberikan nasihat dan bimbingan kepada murid	4.5929	.51125
4. Sentiasa beri motivasi kepada murid supaya berjaya dalam pelajaran	4.6460	.48033
5. Memastikan isi pelajaran sesuai dengan tahap kebolehan murid	4.4159	.49508
6. Memberi pujian kepada murid yang belajar bersungguh-sungguh	4.5575	.49889
7. Memberikan bimbingan secara individu kepada murid yang lemah	4.3009	.58072
Keprihatinan guru	4.4589	.35481

Dari aspek keprihatinan guru KAFA terhadap murid-murid, didapati tahap prihatin guru secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi ($M = 4.46$, $SP = 0.355$). Semua item yang dikaji mencatatkan nilai min melebihi 4.00. Item yang mencatatkan tahap paling tinggi ialah dari aspek keprihatinan guru dalam memotivasikan murid supaya berjaya dalam pelajaran ($M = 4.65$, $SP = 0.480$). Sementara min yang terendah ialah item memberikan bimbingan secara individu ($M = 4.30$, $SP = 0.581$). Jadual 4.7 menunjukkan

secara maklumat berkenaan tahap keprihatinan guru terhadap murid-murid dalam mengendalikan kelas KAFA.

Jadual 4.8: Kawalan Kelas

Item	Min	SP
1. Mengenakan denda kepada murid yang tidak menumpukan pelajaran dalam kelas	4.5221	.55255
2. Boleh mengawal disiplin murid semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung	4.0531	.81109
3. Murid tidak bercakap-cakap semasa pengajaran berlangsung	3.8053	.56786
4. Murid-murid mendengar setiap arahan guru	4.1327	.59016
Kawalan kelas	4.1283	.40332

Dari segi kawalan bilik darjah semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran berlangsung, pada keseluruhannya masih menunjukkan tahap kawalan yang tinggi ($M = 4.13$, $SP = 0.403$). Kajian menunjukkan guru-guru KAFA cenderung untuk mengenakan denda kepada pelajar yang tidak memberikan tumpuan semasa aktiviti pembelajaran berlangsung ($M = 4.52$, $SP = 0.553$). Keadaan inilah yang menyebabkan murid-murid didapati kurang bercakap-cakap semasa pengajaran guru berlangsung ($M = 3.81$, $SP = 0.568$). Keadaan ini seterusnya membolehkan guru dapat mengawal disiplin pelajar semasa proses pembelajaran ($M = 4.05$, $SP = 0.811$) dan murid juga dapat memberikan perhatian dengan mendengar setiap arahan guru ($M = 4.13$, $SP = 0.590$).

Jadual 4.9 : Pengurusan Masa

Item	Min	SP
1. Menggunakan masa sepenuhnya dalam pengajaran seperti yang diperuntukkan	4.3451	.54723
2. Memasuki kelas tepat pada waktunya	4.2035	.67028
3. Semua rakan memasuki kelas tepat pada waktu	4.0088	.73795
Pengurusan masa	4.1858	.55802

Berdasarkan Jadual 4.9 menunjukkan aspek masa yang digunakan oleh guru-guru KAFA dalam pengendalian pengajaran dan pembelajaran. Kajian mendapati pengurusan dalam kalangan guru KAFA di negeri Kedah ini menunjukkan tahap yang baik ($M = 4.18$, $SP = .558$). Ini dapat dilihat berdasarkan persetujuan responden yang mengakui menggunakan sepenuh masa yang diperuntukkan dalam untuk aktiviti pengajaran. Responden juga didapati memasuki kelas pada waktu pengajaran yang telah ditetapkan dengan tepat ($M = 4.20$, $SP = 0.670$). Apabila ditanya tentang rakan-rakan juga responden turut mengakui rakan-rakan mereka juga memasuki kelas dengan masa yang tepat ($M = 4.01$, 0.738).

Jadual 4.10: Pengurusan Aktiviti Kokurikulum

Item	Min	SP
1. Boleh merancang aktiviti yang dipertanggungjawabkan	4.0265	.70026
2. Boleh membantu menguruskan pertandingan dalam aktiviti kokurikulum	4.2655	.62704
3. Mampu mengelolakan aktiviti yang dijalankan	4.1593	.56008
4. Dapat mengemaskinikan rekod kehadiran pelajar	4.5575	.53349
5. Dapat melaksanakan tugas tambahan di luar waktu kelas KAFA	4.0531	.74211
Pengurusan kokurikulum	4.2124	.46003


Selain aspek pembelajaran di bilik darjah, kajian ini juga menunjukkan kualiti guru KAFA juga berada pada tahap yang membanggakan ($M = 4.21$, $SP = 0.460$). Guru-guru KAFA yang dikaji mengakui bahawa mereka dapat membantu mengendalikan aktiviti pertandingan kokurikulum dengan baik ($M = 4.27$, $SP = 0.627$) serta mampu untuk mengemaskinikan rekod kehadiran murid dalam aktiviti kokurikulum dengan baik ($M =$

4.56, SP = 0.533). Pada keseluruhannya mereka dapat melaksanakan tugas tambahan yang diamanahkan di luar waktu kelas KAFA ($M= 4.05$, SP = 0.742).

Jadual 4.11: Pandangan Umum Tentang Pembelajaran KAFA


Item	Min	SP
Seronok dengan tugas sebagai seorang guru KAFA	4.7522	.47304
Kerap tidak dapat mengadakan aktiviti kelas kerana aktiviti luar	2.1593	1.07376

Bagi dua item yang meninjau secara umum tentang pandangan guru KAFA terhadap pelaksanaan pembelajaran KAFA, kajian mendapati bahawa pada umumnya guru-guru KAFA seronok dengan tugas mereka sebagai seorang guru. Min persetujuan mereka menunjukkan tahap yang tinggi ($M = 4.75$, SP = 0.473) seperti Jadual 4.11 di atas. Namun sebilangan kecil daripada mereka mengakui tidak dapat mengadakan kelas kerana mengendalikan tugas di luar yang diarahkan. Rajah 4.1 dan Rajah 4.2 di bawah menunjukkan peratusan berkenaan.



Rajah 4.1: Peratusan Persetujuan Keseronokan dengan Tugas Sebagai Guru KAFA

Berdasarkan Rajah 4.1 di dapati 98.2 peratus responden bersetuju dan sangat bersetuju bahawa mereka seronok berkhidmat sebagai guru KAFA. Manakala yang menyatakan tidak pasti hanya 1.8 peratus sahaja.



Rajah 4.2: Terlibat dengan Aktiviti Luar

Sementara guru-guru KAFA yang tidak dapat mengendalikan kelas kerana urusan rasmi di luar pula menunjukkan hanya sebanyak 37.1 peratus. Sebaliknya 62.9 peratus yang tidak bersetuju menunjukkan mereka mengendalikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran seperti biasa.

Jadual 4.12: Tahap Kemahiran Amalan Guru KAFA

Keberkesanan	Min	SP
1. Pelaksanaan pengajaran	4.0265	.70026
2. Keprihatinan guru	4.2655	.62704
3. Kawalan kelas	4.1283	.40332
4. Pengurusan masa	4.5575	.53349
5. Pengurusan aktiviti kokurikulum	4.0531	.74211
Amalan guru	4.2062	.13608

Daripada analisis deskriptif yang dijalankan ini jelas menunjukkan kualiti guru KAFA yang mengendalikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap yang memberangsangkan yakni pada tahap yang baik ($M = 4.21$, $SP = 0.136$). Aspek pengurusan masa yang dimiliki oleh guru-guru KAFA berada pada tahap min yang lebih tinggi berbanding aspek yang lain ($M = 4.56$, $SP = 0.533$). Seterusnya diikuti dengan aspek keprihatinan guru ($M = 4.27$, $SP = 0.627$). Nilai min yang paling rendah tetapi masih menunjukkan tahap yang baik ialah dari aspek pelaksanaan pengajaran ($M = 4.03$, $SP = 0.700$)

4.6 Analisis Inferens Terhadap Pembelajaran KAFA

Bagi menentukan sama ada wujudnya perbezaan aspek yang dibincangkan meliputi sikap guru terhadap pengajaran kelas KAFA, pengurusan aktiviti kokurikulum, pengurusan kelas, pengajaran, kawalan kelas dan keprihatinan antara guru lelaki dan guru perempuan; ujian - T telah dijalankan bagi menentukan paras signifikan perbezaan berkenaan. Hasil ujian yang dijalankan menunjukkan perbezaan bagi semua aspek yang dikaji adalah tidak signifikan ($p > 0.05$). Dengan itu, dapat dirumuskan bahawa sikap guru terhadap pengajaran kelas KAFA dan tahap kualiti guru bagi lelaki dan perempuan adalah seimbang dan tidak berbeza dengan signifikan. Jadual 4.13 di bawah menunjukkan sikap guru lelaki dan guru perempuan terhadap pengajaran kelas KAFA.

Jadual 4.13 Sikap terhadap pengajaran kelas KAFA mengikut jantina

Jantina		N	Mean	Std. Deviation	t	df	Sig. (2-tailed)
Sikap Guru	Lelaki	31	4.6452	.60819	1.487	111	.219
Guru	Perempuan	82	4.7927	.40788			

Jadual 4.13 menunjukkan sikap guru terhadap pengajaran kelas KAFA mengikut jantina. Kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap guru lelaki dan perempuan. Sikap kedua-dua kumpulan guru berkenaan didapati memiliki sikap yang positif terhadap pembelajaran KAFA. Nilai min guru perempuan lebih tinggi ($M = 4.79$, $SP = 0.41$) berbanding guru lelaki ($M = 4.65$, $SP = 0.61$). Jadual 4.14 menunjukkan nilai min amalan pengajaran yang diperoleh bagi kedua-dua jantina mengikut dimensi atau aspek yang dikaji.

Jadual 4.14 Min Tahap Kualiti Mengikut Dimensi Berdasarkan Jantina

Dimensi	Jantina	N	Min	SP
Pengurusan	Lelaki	31	4.2516	.42573
Kokurikulum	Perempuan	82	4.1976	.47401
Pengurusan	Lelaki	31	4.1720	.52965
Masa	Perempuan	82	4.1911	.57145
Kawalan	Lelaki	31	3.7258	.45805
Kelas	Perempuan	82	3.7195	.38368
Keprihatinan	Lelaki	31	4.4885	.35336
	Perempuan	82	4.4477	.35689
Pengajaran	Lelaki	31	4.3306	.36019
	Perempuan	82	4.3369	.34899

p > 0.05

Daripada Jadual 4.14, didapati pada umumnya min bagi guru lelaki setiap dimensi kualiti yang dikaji berada lebih tinggi dari pada guru perempuan melainkan bagi dimensi pengurusan masa yang didapati min guru perempuan lebih daripada guru lelaki. Bagi dimensi pengurusan masa, min guru perempuan ialah 4.19 (SP = 0.571) dan guru lelaki ialah 4.17 (SP = 0.530).

Bagi menentukan sama ada wujudnya tahap kualiti guru mengikut kelompok usia guru, ujian ANOVA menunjukkan hanya dimensi tahap kualiti bagi dimensi pengendalian aktiviti kokurikulum guru berbeza mengikut kumpulan usia guru ($F = 5.297$, $p < 0.05$). Hasil ujian ANOVA bagi dimensi pengendalian aktiviti kokurikulum seperti yang terdapat dalam Jadual 4.15 di bawah.

Jadual 4.15 Analisis Ujian ANOVA kualiti guru dalam mengendalikan aktiviti kokurikulum mengikut kategori umur guru

ANOVA

		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Kokurikulum	Between Groups	3.016	3	1.005	5.297	.002
	Within Groups	20.687	109	.190		
	Total	13.758	112			

Signifikan pada * $p < 0.05$

Jadual 4.16 Ujian Post-Hoc kualiti guru dalam mengendalikan aktiviti kokurikulum mengikut kategori umur guru

	Dependent Variable	(I) usia	(J) usia	Mean	Std.	Sig.
				Difference (I-J)	Error	
Kokurikulum	Dimensi	41 - 50	21 - 30 Tahun	.40300*	.12164	.007
		Tahun	31 - 40 Tahun	.23017	.10625	.139
			51 - 60 Tahun	.42660*	.12483	.005

Signifikan pada * $p < 0.01$

Jadual 4.15 menunjukkan ujian ANOVA yang dijalankan bagi dimensi tahap kualiti pengendalian aktiviti kokurikulum guru berbeza dengan signifikan mengikut kumpulan umur guru ($F = 5.297$, $p < 0.05$). Bagi menentukan perbezaan tersebut Ujian *Post-Hoc* telah dijalankan dan hasilnya seperti yang ditunjukkan pada Jadual 4.16. Dapatan kajian menunjukkan bahawa perbezaan yang signifikan berlaku antara guru yang berada pada kategori umur 41 hingga 50 tahun dengan kategori umur 21 hingga 30 tahun dan kategori umur 51 hingga 60 tahun. Analisis menunjukkan bahawa min tahap kualiti guru yang berumur antara 41 hingga 50 ($M = 4.45$, $SP = 0.382$) lebih tinggi daripada kategori umur 21 hingga 30 tahun ($M = 4.05$, $SP = 0.382$) dan kategori umur 51 hingga 60 tahun ($M = 4.03$, $SP = 0.406$).

Selain analisis mengikut kategori umur responden yang dikaji, ujian ANOVA juga dijalankan bagi menentukan adakah wujud perbezaan yang signifikan antara dimensi

kualiti yang dikaji mengikut pengalaman responden. Kajian mendapati hanya dimensi bagi kualiti pengajaran yang menunjukkan perbezaan yang signifikan mengikut pengalaman mengajar. Jadual 4.16 di bawah menunjukkan hasil analisis yang dijalankan.

Jadual 4.17 Analisis Ujian ANOVA kualiti guru dimensi pengajaran berdasarkan pengalaman mengajar

ANOVA					
	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	1.507	5	.301	2.632	.028
Within Groups	12.252	107	.115		
Total	13.758	112			

Signifikan pada * $p < 0.05$

Jadual 4.18 Ujian Post-Hoc kualiti guru dimensi pengajaran berdasarkan pengalaman mengajar

(I) pengalaman1	(J) pengalaman1	Mean Difference (I-J)	Std. Error	Sig.
21 – 25 tahun	1 – 5 tahun	.32534	.12104	.086
	6 – 10 tahun	.17844	.11621	.642
	11 – 15 tahun	.29293	.15209	.392
	16 – 20 tahun	.14234	.12820	.876
	26 – 30 tahun	.43182*	.14785	.048

Signifikan pada * $p < 0.05$

Ujian ANOVA yang dijalankan seperti Jadual 4.17 bagi dimensi tahap kualiti pengajaran mengikut pengalaman mengajar adalah berbeza secara signifikan guru ($F = 2.632$, $p < 0.05$). Bagi menentukan perbezaan tersebut Ujian *Post-Hoc* telah dijalankan dan hasilnya seperti yang ditunjukkan pada Jadual 4.18. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa perbezaan yang signifikan berlaku antara guru yang memiliki pengalaman antara 21 hingga 25 tahun ($M = 4.45$, $SP = 0.580$) lebih tinggi daripada guru yang memiliki

pengalaman antara 26 hingga 30 tahun ($M = 4.05$, $SP = 0.382$) dan kategori umur 51 hingga 60 tahun ($M = 3.94$, $SP = 0.4462$).

Jadual 4.19 Hubungan antara tahap keprihatinan dengan dimensi-dimensi kualiti guru

		Pengurusan kokurikulum	Pengurusan masa	Kawalan bilik darjah	Pengajaran
Prihatin	Pearson Correlation	.621**	.476**	.189*	.716**
	Sig. (2- tailed)	.000	.000	.045	.000
	N	113	113	113	113

Signifikan pada ** $p < 0.01$ dan * $p < 0.05$


Jadual 4.19 memaparkan hasil ujian korelasi bagi menentukan sama ada wujudnya perhubungan antara dimensi kualiti guru dari aspek tahap keprihatinan dengan dimensi tahap pengurusan aktiviti kokurikulum, pengurusan masa, kawalan bilik darjah dan pengendalian pengajaran. Analisis menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan pada tahap yang sederhana antara tahap keprihatinan guru dengan tahap pengurusan aktiviti kokurikulum ($r = .62$, $p < 0.01$), tahap pengurusan masa ($r = .48$, $p < 0.010$ dan tahap kualiti pengajaran ($r = .72$, $p < 0.01$). Sementara hubungan antara tahap keprihatinan guru dengan tahap kawalan bilik darjah adalah lemah ($r = .12$, $p < 0.05$).

Selain itu, ujian juga dijalankan bagi melihat sama ada wujud hubungan yang signifikan antara sikap guru terhadap pengajaran kelas KAFA dengan amalan kualiti guru. Jadual 4.20 menunjukkan hasil analisis ujian korelasi yang dijalankan.

Jadual 4.20 Hubungan antara sikap guru dengan kualiti amalan guru

		Sikap Guru
Amalan Pengajaran	Pearson Correlation	.409**
	Sig. (2-tailed)	.001

Hasil kajian menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan ($p < 0.01$). Namun hubungan kedua-dua pemboleh ubah berkenaan adalah sederhana ($r = .41$). Jumlah varian yang dapat dijelaskan pertalian antara kedua-dua sekitar 17 % sahaja. Rajah 4.3 menunjukkan pertalian antara sikap guru dengan tahap amalan guru dalam pengajaran kelas KAFA.



Rajah 4.3 Hubungan antara sikap guru dengan tahap amalan dalam pengajaran kelas KAFA

4.7 Maklum balas Kepada Soalan Kajian

Sebagai rumusan kepada analisis dapatan kajian, dirumuskan dapatan mengikut susunan soalan kajian yang telah ditetapkan berdasarkan objektif kajian.

8. Apakah persepsi murid terhadap pengajaran guru KAFA?

Secara umumnya, murid-murid kelas KAFA memberikan reaksi yang positif kepada amalan pengajaran guru KAFA. Lebih 99 peratus pelajar mengakui memahami pengajaran guru mereka dan mengakui guru mereka pandai dalam memberikan pengajaran. Dengan itu juga mereka seronok menghadiri kelas KAFA.

9. Apakah persepsi guru terhadap pengajaran KAFA?

Seperti soalan kajian pertama, persepsi guru juga didapati sangat positif terhadap tugas sebagai guru kelas KAFA ($M = 4.75$, $SP = 0.47$).

10. Apakah tahap amalan pengajaran dalam kalangan guru-guru KAFA?

Tahap kualiti amalan dalam kalangan guru-guru KAFA adalah tinggi ($M = 4.21$, $SP = 0.13$). Semua dimensi amalan guru yang dikaji menunjukkan tahap-tahap yang tinggi. Pelaksanaan pengajaran ($M = 4.03$, $SP = 0.70$), keprihatinan guru ($M = 4.27$, $SP = 0.63$), kawalan bilik darjah ($M = 4.13$, $SP = 0.40$), pengurusan masa ($M = 4.56$, $SP = 0.53$) dan pengurusan aktiviti kokurikulum ($M = 4.05$, $SP = 0.74$).

11. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru terhadap pengajaran kelas KAFA mengikut jantina?

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap guru lelaki dengan guru perempuan terhadap pengajaran kelas KAFA ($t = 1.487$, $p > 0.05$).

12. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap amalan pengajaran guru mengikut jantina?

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap amalan pengajaran guru KAFA mengikut jantina ($t = 0.26$, $p > 0.05$).

13. Apakah faktor yang dominan terhadap amalan pengajaran guru KAFA?

Faktor yang paling dominan dalam amalan pengajaran guru KAFA ialah aspek pengurusan masa ($M = 4.56$, $SP = 0.53$) diikuti dengan keprihatinan guru ($M = 4.27$, $SP = 0.63$), KAFA adalah tinggi ($M = 4.21$, $SP = 0.13$), kawalan bilik darjah ($M = 4.13$, $SP = 0.40$), pengurusan aktiviti kokurikulum ($M = 4.05$, $SP = 0.74$) dan pelaksanaan pengajaran ($M = 4.03$, $SP = 0.70$).

14. Adakah terdapat hubungan antara sikap guru dengan tahap amalan pengajaran guru KAFA?

Pada umumnya terdapat hubungan yang signifikan antara sikap guru dengan tahap amalan pengajaran guru KAFA. Hubungan berkenaan berlaku pada tahap sederhana ($r = 0.4$, $p < 0.01$).

4.8 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, bab 4 ini telah memaparkan dapatan daripada analisis kajian yang telah dilaksanakan. Pada umumnya, kajian menunjukkan pengajaran kelas KAFA berlangsung dalam suasana yang memberangsangkan. Ini dapat dilihat berdasarkan maklum balas guru dan murid yang positif. Murid cenderung menyukai pembelajaran KAFA dan guru mereka. Sementara guru pula mengakui berminat dengan pengajaran kelas KAFA. Keadaan ini memungkinkan tahap amalan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah tinggi.

BAB 5 **PERBINCANGAN DAN RUMUSAN**

5.1 Pendahuluan

Bab ini merumuskan dapatan utama kajian di samping membincangkan implikasi terhadap kajian yang dijalankan. Perbincangan turut menyentuh cadangan kajian yang boleh dipertimbangkan untuk masa akan datang.

5.2 Ringkasan Kajian

Pembangunan seseorang insan pada peringkat awal dapat diterapkan secara formal melalui pendidikan. Pendidikan yang formal membolehkan individu murid berkenaan memperoleh ilmu pengetahuan secara lebih sistematik. Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) ialah mekanisme pembentukan insan pada peringkat awal yang dikendalikan oleh Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing di Malaysia. Matlamat pendidikan KAFA ini bertujuan untuk mendidik dan membentuk murid-murid ke arah memperkembangkan fitrah individu (insan) selaras dengan Al-Quran dan As-Sunnah. Dengan itu akan membentuk insan yang kuat iman dan amalannya kepada Allah serta menghayati akhlak dan cara hidup Islam.

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang keberkesanan pembelajaran kelas KAFA di negeri Kedah Darul Aman. Secara lebih khusus lagi kajian ini bertujuan untuk:

- meninjau persepsi murid dan guru terhadap pengajaran kelas KAFA di bilik darjah;
- meneliti amalan pengajaran guru KAFA di bilik-bilik darjah;

- mengenal pasti faktor-faktor yang dominan amalan pengajaran yang berkesan.
- mengenal pasti hubungan antara sikap guru dan amalan guru KAFA dalam pengajaran.

Kajian ini melibatkan seramai 113 orang responden guru KAFA dan 236 orang murid ini dijalankan menggunakan kaedah tinjauan menggunakan instrumen soal selidik. Semua responden guru dikehendaki mengisi soal selidik berhubung sikap dan amalan mereka terhadap pengajaran kelas KAFA. Responden murid pula dikehendaki menandakan sama ada ya atau tidak berhubungan pernyataan yang ditanya kepada mereka melalui soal selidik untuk murid.

Analisis data dijalankan dengan melihat kepada analisis deskriptif daripada aspek demografi, sikap dan amalan guru KAFA dengan menjurus kepada nilai min. Sementara analisis responden murid lebih kepada melihat kekerapan dan peratusan pengakuan mereka. Analisis inferens turut dijalankan bagi menentukan perbezaan yang signifikan aspek yang dikaji mengikut kumpulan yang ditetapkan. Ujian – T dijalankan bagi menentukan perbezaan sikap dan amalan mengikut jantina. Ujian ANOVA dilaksanakan bagi menentukan perbezaan tahap amalan mengikut tahap pengalaman guru. Sementara ujian korelasi dijalankan bagi menentukan hubungan yang signifikan antara sikap dan tahap amalan guru KAFA.

Secara umumnya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa murid-murid kelas KAFA memberikan reaksi yang positif kepada amalan pengajaran guru KAFA. Lebih 99 peratus pelajar mengakui memahami pengajaran guru mereka dan mengakui guru

mereka pandai dalam memberikan pengajaran. Mereka seronok menghadiri kelas KAFA.

Guru juga didapati sangat positif terhadap tugas sebagai guru kelas KAFA. Mereka sememangnya berminat dengan kerjaya sebagai guru khususnya guru KAFA. Dengan itu kajian mendapati tahap kualiti amalan dalam kalangan guru-guru KAFA adalah tinggi. Semua dimensi amalan guru yang dikaji menunjukkan tahap-tahap yang positif dan memberangsangkan yang meliputi aspek pelaksanaan pengajaran, keprihatinan guru, kawalan bilik darjah, pengurusan masa dan pengurusan aktiviti kokurikulum. Ujian bagi menentukan perbezaan pula menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap guru lelaki dengan guru perempuan terhadap pengajaran kelas KAFA. Begitu juga dengan tahap amalan pengajaran guru KAFA mengikut jantina.

Faktor yang paling dominan dalam amalan pengajaran guru KAFA ialah aspek pengurusan masa diikuti dengan keprihatinan guru, kawalan bilik darjah, pengurusan aktiviti kokurikulum dan pelaksanaan pengajaran. Kajian juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara sikap guru dengan tahap amalan pengajaran guru KAFA. Hubungan berkenaan berlaku pada tahap sederhana.

5.3 Ulasan dan Perbincangan

Pendidikan KAFA telah memberikan dimensi baru kepada dunia pendidikan di negara ini. Daripada sejarah perkembangan sistem pembelajaran yang panjang bermula

sebelum penjajahan sehinggalah selepas negara merdeka. Dengan pembentukan kurikulum yang standard bagi seluruh negara dengan diselaraskan oleh JAKIM dapat membolehkan aktiviti pembelajaran yang lebih baik dan tersusun. Ini dikukuhkan lagi dengan pemantauan pelaksanaan pembelajaran peringkat negeri pula di bawah seliaan Jabatan Agama Islam Negeri.

Dalam usaha mencapai hasrat murni falsafah pendidikan Islam, peranan guru KAFA amatlah dipentingkan. Setiap guru KAFA perlu memahami falsafah yang telah ditetapkan dan berusaha mencapai matlamat dan objektif yang telah ditetapkan melalui aktiviti pembelajaran kelas KAFA seperti yang telah dicadangkan oleh pihak berwajib. Dalam konteks kajian ini didapati bahawa sikap guru amat positif terhadap pengajaran kelas KAFA ($M = 4.75$, $SP = 0.47$). Bagaimanapun tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap guru lelaki dan perempuan. Sikap yang positif amat penting dalam mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran (McLeod, 1992, NCTM, 1991, 2000). Seandainya seseorang guru itu memiliki sikap yang positif terhadap sesuatu perkara, maka dia akan berusaha dengan lebih berbanding guru lain yang bersikap negatif (Ma & Kishor, 1997).

Di samping sikap guru yang positif, kajian juga menunjukkan murid turut bersikap yang positif terhadap guru dan pengajaran guru. Murid-murid yang menjadi responden kajian ini mengakui guru-guru KAFA mereka mempunyai personaliti yang baik seperti pandai dan mengajar mereka hingga faham, peramah dan suka menolong murid-murid dengan memberikan bimbingan. Ini menunjukkan bahawa guru-guru KAFA memiliki daya

kreativiti yang baik yang membolehkan murid-murid memberikan reaksi yang positif. Aspek ini adalah penting dalam membantu menjadikan pengajaran tersebut lebih berkesan. Dalam konteks ini, Ngalim (1990) berpendangan, punca murid kehilangan tumpuan disebabkan cara guru memberikan penerangan dengan menggunakan bahan pengajaran yang membosankan. Gorman (2000) pula berpendapat cara guru mendekati murid dengan aktiviti pembelajaran yang sesuai akan dapat menarik minat dan tumpuan murid untuk belajar dalam bilik darjah. Keadaan ini juga selari dengan saranan Burden & Byrd (2003) agar guru mewujudkan kepelbagaian aktiviti ketika mengajar bagi menjamin keberkesanannya pengajaran dalam memberikan tumpuan kepada pembelajaran.

Bagi menjadikan sesuatu pembelajaran itu berkesan dan memberikan manfaat kepada murid, maka amalan dalam pengajaran guru sama ada dari aspek perancangan, kawalan bilik darjah, pengurusan masa serta keprihatinan guru amatlah penting. Kajian yang dijalankan ini mendapati aspek berkenaan menunjukkan tahap nilai min yang tinggi yang mencerminkan amalan guru-guru KAFA di negeri Kedah dapat dianggap sebagai berkesan. Purata keseluruhan min bagi setiap aspek yang dinyatakan tersebut ialah 4.21 (SP = 0.14). Kajian mendapati membuat perancangan dalam pengajaran serta mengadakan pelbagai aktiviti dengan sistematik. Ini selari dengan dapatan kajian Kallison (1996), Maye & Galline (1994) dan Land (1987).

Semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran berlangsung, responden mengakui merancang pengajaran dengan baik serta mengadakan pelbagai aktiviti dalam penyampaian pengajaran dengan bantuan berbagai-bagai bahan bantu mengajar. Semasa

pembelajaran berlangsung, guru-guru juga turut memantau pemahaman murid dengan memberikan latihan-latihan dan kerja rumah bagi menentukan pemahaman dan penguasaan murid tentang aspek yang telah dipelajari. Semua aktiviti pembelajaran yang dirangcang dalam penyampaian pengajaran tersebut adalah berdasarkan sukatan pelajaran yang telah dibekalkan oleh JAIK.

Dari aspek pengurusan masa, kajian mendapati guru-guru KAFA mempunyai tahap pengurusan masa sangat positif atau baik ($M = 4.19$, $SP = 0.56$). Dapatan ini selari dengan kajian Rohani Ahmad (1998) yang juga mendapati tahap pengurusan masa guru adalah adalah baik. Antara aspek pengurusan yang ditekankan oleh guru ialah memulakan pengajaran pada masa yang tepat dan memasuki kelas pada waktu yang ditetapkan. Apabila seseorang guru itu memasuki kelas pada masa yang tepat akan membolehkan segala perancangan yang telah dibuat dapat dijalankan dalam proses pembelajaran dan seterusnya proses perpindahan ilmu itu dapat disampaikan dengan sepenuhnya dalam tempoh waktu pengajaran dengan lebih baik tanpa kekangan kesuntukan masa. Hal ini seterusnya dapat menepati silibus dan kurikulum yang telah ditetapkan. Hal ini menyokong dapatan kajian Kallison (1996), Maye dan Galline (1994) dan Land (1987). Kajian Shahril Marzuki (2004) juga mendapati keputusan yang sama dan menyarankan agar guru mempelbagaikan kaedah pengajaran supaya pengajaran guru lebih menyeronokkan dan dapat menarik minat pelajar untuk terus belajar.

Selain kaedah pengajaran, bahan dan media yang sesuai juga berperanan dalam menarik minat pelajar atau murid untuk mengikuti aktiviti pembelajaran. Amalan

pengajaran yang sehala akan menimbulkan suasana pembelajaran yang akan membosankan. Penggunaan media yang tidak sesuai pula akan membuatkan pembelajaran turut tidak menarik kepada pelajar. Ini selari dengan pandangan Burden dan Byrd (2003) yang turut mencadangkan agar sseorang guru mewujudkan pelbagai aktiviti ketika mengajar bagi menjamin keberkesanan pengajaran dengan menumpukan kepada pembelajaran berpusatkan pelajar.

Dari segi kawalan bilik darjah semasa pengajaran, didapati guru-guru KAFA melalui responden yang dikaji didapati memiliki tahap kawalan yang baik. Ini dapat dilihat dari segi tindakan guru yang mengakui mendenda pelajar yang tidak memberikan tumpuan kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Dengan itu murid-murid dapat mendengar arahan guru semasa aktiviti pembelajaran berlangsung. Malah responden juga didapati dapat mengawal disiplin murid-murid dengan baik. Situasi ini amat membantu dalam aktiviti pembelajaran. Kajian ini berbeza dengan dapatan kajian Lourdusamy dan Tan (1992) yang mendapati bahawa ada guru yang tidak dapat mengawal kelas dan mengambil pendirian tidak mempedulikan murid berkenaan. Dalam konteks ini, Chiam (2004) berpendapat seandainya guru tidak dapat mengawal kelas dan tidak mempedulikan murid-murid memperlihatkan ketidakupayaan dan keberkesanan pengajaran guru dan ini akan menyebabkan gejala ponteng dalam kalangan murid.

Dari segi keberkesanan amalan guru-guru lelaki dan perempuan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi amalan pengajaran gutu-guru lelaki dan

perempuan. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan yang signifikan tentang amalan guru dalam aspek pengurusan kurikulum mengikut usia guru. Guru yang lebih berusia didapati lebih berkemampuan dalam menguruskan aktiviti kurikulum berbanding guru yang lebih muda. Guru yang memiliki pengalaman antara 20 hingga 25 tahun didapati lebih baik dari aspek pengajaran berbanding guru-guru yang memiliki pengalaman kurang daripada 20 tahun. Keadaan ini menunjukkan bahawa guru-guru yang memiliki pengalaman lebih daripada 20 tahun sudah merasai pahit maung sebagai pendidik dan dapat mengendalikan aktiviti pengajaran dengan baik melalui pengalaman yang telah dilalui. Dapatan ini selari dengan dapatan Sukiman Saad, Noor Shah Saad, dan Mohd Uzi Dollah (2012) yang turut mendapati terdapat amalan yang berbeza mengikut pengalaman mengajar guru.

Dapatan juga menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan antara sikap guru terhadap pembelajaran kelas KAFA dengan amalan dalam pengajaran. Hubungan antara kedua aspek berkenaan wujud secara sederhana. Keadaan ini membawa maksud bahawa apabila sikap guru terhadap pembelajaran kelas KAFA positif akan meningkatkan keberkesanan pengajaran guru pada tahap sederhana. Bagaimanapun dapatan ini berbeza dengan dapatan kajian Sukiman Saad, Noor Shah Saad, dan Mohd Uzi Dollah (2012) yang mengkaji hubungan persepsi dengan amalan pengajaran matematik yang mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan.

5.4 Implikasi kajian

Kajian ini memberikan implikasi yang besar kepada pendidikan KAFA di Malaysia dan di negeri Kedah khususnya. Pada umumnya, guru-guru KAFA di negeri Kedah yang dikaji memiliki tahap amalan pengajaran yang berkesan dalam mengendalikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Keadaan ini menunjukkan bahawa walaupun mereka tidak memiliki kelayakan ikhtisas seperti guru-guru di sekolah di bawah Kementerian Pendidikan tetapi masih memiliki kemampuan dalam menyampaikan pengajaran dengan sebaik yang mungkin. Seandainya guru-guru ini diberikan latihan khusus atau latihan yang berkaitan ilmu pedagogi, kemungkinan besar aktiviti pengajaran dan pembelajaran kelas KAFA akan lebih memberangsangkan.

Sikap yang positif dalam kalangan guru dalam menyampaikan pengajaran memungkinkan pelajar dapat mengikuti pembelajaran dengan sebaik yang mungkin. Justeru, murid-murid begitu berminat untuk mengikuti kelas KAFA. Malah guru-guru juga memiliki personaliti yang baik misalnya prihatin dengan proses pembelajaran murid. Ini dapat dilihat melalui pengakuan murid bahawa guru-guru mereka memberikan bimbingan berterusan kepada murid-murid. Keadaan ini menyebabkan murid-murid menyukai guru mereka dan ini banyak akan membantu dalam menaikkan motivasi murid mempelajari ilmu agama.

Amalan guru yang menepati masa dengan masuk kelas pada waktu yang ditetapkan dengan tepat, mengajar berpandu sepenuhnya sukatan pelajaran dan sentiasa memberikan nasihat dan motivasi kepada murid dapat menggalakkan murid untuk belajar bersungguh-

sungguh. Pemantau yang berterusan akan perkembangan murid akan membantu mereka mencapai kecemerlangan dalam pelajaran. Dalam hal ini, Slavin (1984) menyarankan agar guru sentiasa memantau kemajuan pelajar melalui pelbagai bentuk penilaian seperti penilaian formatif yang dilaksanakan secara berterusan sepanjang sesi pembelajaran berlangsung dan penilaian sumatif pada akhir sesuatu penggal atau semester pembelajaran.

5.5 Cadangan

Proses pembelajaran berlangsung sejak seseorang individu itu lahir ke dunia sehingga dia kembali mengadap Allah Rabbul ‘Alamin. Proses pembelajaran bermula secara tidak formal bermula di rumah dan dikukuhkan dengan pembelajaran yang formal di sekolah. Pembelajaran tentang aspek agama sesungguhnya tidak boleh diketepikan sama sekali kerana ilmu agama akan dapat membimbing seseorang menjadi insan mukmin yang kamil. Yang akan memandu manusia tentang perkara baik dan buruk, pahala dan dosa serta syurga dan neraka. Dengan memiliki ilmulah yang akan membezakan darjat seseorang sama ada individu itu berilmu pengetahuan atau tidak berilmu pengetahuan. Hal ini selari dengan firman Allah yang bermaksud “Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) beberapa darjat”.” (Al-Mujaadalah: 11)

Dalam usaha mengangkat martabat pengajaran ilmu agama secara umumnya dan pendidikan KAFA khususnya, maka beberapa cadangan perlu dipertimbangkan untuk

dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Pihak JAKIM dan JAIK serta MAIK perlu dari semasa ke semasa merancang bengkel atau kursus kepada guru-guru KAFA untuk meningkatkan pengetahuan guru-guru dalam aspek pengajaran atau penyampaian ilmu agar pengajaran pembelajaran kelas KAFA sentiasa hidup dan dapat ditingkatkan kualiti pengajaran dan persekitaran pembelajaran. Kursus-kursus berkenaan boleh diuruskan dengan kerjasama institusi latihan perguruan di negara ini sama ada dengan Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) atau dengan Institut Perguruan Guru yang sememangnya memiliki kepakaran dalam melatih guru. Dengan itu, ilmu pengetahuan guru-guru akan meningkat serta dapat mengaplikasikan kaedah dan teknik terkini dalam proses penyampaian ilmu selari dengan perkembangan semasa dan perkembangan murid hari ini. Untuk menjadi guru yang baik seseorang guru perlu mempunyai lima ciri berikut, iaitu: (i) mempunyai kemahiran asas yang tinggi sebagai keperluan pengajaran, (ii) menguasai kepakaran dalam disiplin ilmu, (iii) pandai mengaitkan ilmu dengan pengalaman yang dimiliki untuk digunakan semasa aktiviti pengajaran pembelajaran, (iv) sentiasa peka dengan tahap penguasaan dan pencapaian pelajar bagi tujuan penambahbaikan pengajaran, dan (v) mempunyai sifat ikhlas dalam ilmu yang disampaikan.

Pihak JAIK juga perlu melakukan pemantau yang lebih kerap ke institusi-institusi pengajian kelas KAFA dalam usaha mengenal pasti sebarang masalah yang timbul dalam proses pengendalian kelas KAFA. Ini akan dapat membantu pihak pengurusan memahami masalah yang timbul dan seterusnya merancang usaha-usaha penambahbaikan dalam pengendalian kelas KAFA.

Dari aspek penyelidikan pula, penyelidik mencadangkan agar satu kajian yang lebih holistik dapat dijalankan bagi meninjau pembelajaran kelas KAFA di seluruh negara. Kajian lanjutan tersebut perlu memperluaskan sampel yang lebih menyeluruh agar dapat mencerminkan keadaan sebenar tentang pembelajaran kelas KAFA di seluruh negara. Kajian berkenaan juga mungkin boleh dipertimbangkan melibatkan penggabungan dua kaedah yang melibatkan kajian kuantitatif dan kualitatif. Reka bentuk berkenaan akan memungkinkan daptan saling dapat dikukuhkan dan lebih menyeluruh.

5.6 Kesimpulan

Sebagai rumusannya, pendidikan KAFA yang berkesan memerlukan peranan guru yang menyeluruh sebagai *murabbi*, *muallim*, *muaddib*, *murshid* dan *mudarris*. Berdasarkan peranan ini akan menjadikan guru KAFA bukan sahaja bertanggungjawab untuk menyampaikan ilmu fardu ‘ain dan pembelajaran Al-Quran semata-mata, malah dapat membentuk keperibadian individu murid sebagai persediaan kehidupan seterusnya.

RUJUKAN

- Abdul Rahim Abdul Rashid, Abdul Aziz Abdul Talib, Abdul Ghafar Md. Din, & Mohamad Haron. (1992). *Panduan latihan mengajar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Karim Mohd Nor (1989). *Characteristic of effective rural secondary school in Malaysia*. Dissertasi EdD. University of Winconsin, Madison, USA.
- Abdul Raof Dalip, & T. Subahan Mohd. Meerah. (1991). *Isu-isu latihan mengajar*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdul Shukur Abdullah (1995). Membina sekolah yang berkesan. Aplikasi Dasar. *Kertas Kerja seminar Sekolah Efektif*. Kementerian Pendidikan Malaysia, Institut Aminuddin Baki.
- Abdul Shukur Abdullah (2000). Tiga teras tingkat martabat pendidik, *Berita Harian*, 16 Mei 2000.
- Abu Hassan Kassim, Meor Ibrahim Kamaruddin, Mohammad Bilal Ali, Mohd. Salleh Abu, & Osman, M. (1994). *Penilaian penyeliaan latihan praktik mengajar dari perspektif guru pelatih*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Latihan Kegururan Antara Universiti Ke 9, Bangi:UKM
- Abu Hassan Kassim, Meor Ibrahim Kamaruddin, Maslan Osman, Mohammad Bilal Ali, & Mohd.Salleh Abu. (1994). *Perbandingan Kesediaan, Keupayaan Serta Kesesuaian Guru Pelatih Yang Mengikuti Latihan Ikhtisas Perguruan Di UTM Melalui Dua Program Yang Berbeza: Diploma Lepas Ijazah Dan Pra-siswazah (Secara Integrasi)*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Latihan Kegururan Antara Universiti Ke 9, Bangi:UKM.
- Anderson, L. (2004). Increasing teacher effectiveness (2nd edition), UNESCO International Institute for Educational Planing. <http://unesdoc.unesco.org/images/0013/001376/137629e.pdf>
- Azizi Hj. Yahaya, Sharifuddin Ismail, Amir Hamzah Abdul & Halimah Ma'Alip. 2008. *Hubungan di Antara Konsep Kendiri Dengan Kemahiran Komunikasi Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Di sekolah Menengah Di Johor Bahru*.
- Baharin Abu. (2006). *Tahap Kesediaan Pedagogi Guru Pelatih Fakulti Pendidikan, UTM DalamLatihan Mengajar*. Kertas kerja dibentang dalam Kolokium Fakulti Pendidikan, UTM, Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai, Johor.
- Burden, P.R. & Byrd, D.M. (2003). *Methods for effective teaching*. Boston: Allyn & Bacon.
- Carroll, J. (1963). A model of school learning. *Teacher College Record*, 64, 723-73.
- Carroll J. (1989). The Carroll model: A 25 years restrospective and prospective view. *Educational Reseacher*, 18, 26-31.

- Chee Kim Mang. (2008). Kualiti guru permulaan keluaran sebuah institut perguruan: Satu kajian dari perspektif pentadbir sekolah dalam *Jurnal Pendidikan dan Pendidikan*, 23, 49 – 67.
- Chiam Heng Keng. (2004). Clear link between teachers and truancy. *The Star*, 7 November, hlm. 8.
- Coladarci, T. & Breton, W. A. (1997). Teacher efficacy, supervision, and the special education resource-room teacher. *The Journal of Educational Research*, 90(4), 230-240.
- Creemers, B. P. M. (1991). *Effective instruction, an empirical contribution to the improvement of classroom education*. The Hague: SVO Balansreeks.
- Darling-Hammond, L. (2000). Teacher quality and student achievement: A review of state policy evidence. *Educational Policy Analysis Archives*, 8(1).
- Dunkin, M.J & Biddle, B.J. (1974). *The study of teaching*. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Emmer, E. T. & Hickman, J. (1991). Teacher efficacy in classroom management and discipline. *Educational and Psychological Measurement*, 51, 755-765
- Eugene, C. et al. (1994). The contribution of classroom observation to school effectiveness research. Dalam E. Reynolds (Ed.), *Advances in school effectiveness research and practice* (hlm. 133-149). London: Pergamon.
- Furlong, J., & Maynard, T. (1995). *Mentoring Student Teachers: The Growth of Professional Knowledge*. London: Routledge.
- Gibson, S. & Dembo, M. (1984). Teacher efficacy: A construct validation. *Journal of Educational Psychology*, 76, 569-582.
- Gorman, J. M. (2000). *Theory of personality and learning process*. New York: John Wiley and Sons.
- Hiebert, J. et al. (1991). Fourth graders gradual constructions of decimal fractions during instruction using different representation. *Elementary School Journal*, 97, 301-341.
- Hughes, P., Abbott-Chapman, J. & Williamson, J. (2001) teaching Competencies in the classroom: Deconstructing teacher experiences. *Education Research and Perspectives*, 28, 1-24.
- Imants, J. G. M. & De Brabander, C. J. (1996). Teachers' and principals' sense of efficacy in elementary schools. *Teaching and Teacher Education*, 12(2), 179-195.

- Kallison, (1986). Effect of lesson organization achievement . *American Educational Research Journal*, 23, 337-347.
- King, D. & Menke, J. (1992). Providing the instructors note: An effective additional to student note taking. *Educational Psychologist*, 20,33-39.
- Kozma, R. (1991). Learning with media. *Review of Educational Research*; 1, 179-211.
- Land, M. L. (1987), Vagueness and clarity. Dalam Dunkin (Ed.), *International encyclopedia of teaching and teacher education*. N.Y: Pergamon.
- Lourdusamy, A. dan Tan, S.K. (1992). Malaysia. Dalam H.B. Leavitt (ed). *Issues and problems in teacher education: An international handbook*. New York: Greenwood Pres, hlm. 179 – 191.
- Ma, X & Kishor, N. (1997). Assessing the relationship between attitude toward Mathematics achievement : Meta-analysis. *Journal for Research in Mathematics Education*.3(20), 27 - 47.
- Marimuthu T. (1990). *Pengenalan Sosiologi Pendidikan*. Shah Alam : Fajar Bakti.
- Marliave, *et al*. (1978). Academic learning time and student achievement in the B-C period for West Laboratory. Educational Research and Development, technical Note, V-29.
- McLeod, D.B. (1992). Research on effect in Mathematics education: A reconceptualization. In D.A Grouws (Ed), *Handbook of Research on Mathematics Teaching and Learning*. (p.575 – 596). New York: Mc Millan
- Mohd Ali (1998). “ *Masalah-Masalah Pengendali Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Oleh Guru- Guru Bukan Opsyen.*” Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.
- Mohd Majid Konting (1990) . *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Najib Ghafar (1997). *Penyelidikan Pendidikan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ngalim Purwanto. (1990). *Psikologi pendidikan*. Bandung: Rosdakarya.
- Podell, D. M. & Soodak, L. C. (1993). Teacher efficacy and bias in special education referrals. *Journal of Educational Research*, 86(4), 247-253.
- Restine, N. (1997). Learning and development in the context(s) of leadership preparation. *Peabody Journal of Education* 72, 117-30.

Saklofske, D. H., Michayluk, J. O. & Randhawa, B. S. (1988). Teachers' efficacy and teaching behaviours. *Psychological Reports*, 63(2), 407-414.

Samsuddin Osman (2005). Psikologi menjana kecemerlangan. Kertas kerja ucapan perasmian Seminar Psikologi Dalam Perkhidmatan Awam Ke 11, Pusat Konvensyen Antarabangsa, Putrajaya, 7 April 2005.

Schereen, J. (1992). *Effective schooling: Research theory and practice*. London, Cassell.

Shahril Marzuki. (2004). Amalan pengajaran guru yang berkesan: Kajian di beberapa sekolah menengah di Malaysia. *Jurnal Pendidikan*, 6, 47 – 58.

Slavin, R. (1987). A theory of school and classroom organization. *Eduational Psychologist*, 22, 89-108.

Slavin, R. (1994). A theory of school and classroom organization. Dalam R. Slavin, (Ed.), *School and Classrooom Organization*. Hillsdale, NJ:Erlbaum.

Stringfield, S (1994). A model of elementary school effect. Dalam R. Reynolds, (Ed.), *Advances in school effectiveness research and practice*. London: Pergamon.

Sukiman Saad, Noor Shah Saad, dan Mohd Uzi Dollah. (2012). Pengajaran Kemahiran Berfikir: Persepsi Dan Amalan Guru Matematik Semasa Pengajaran Dan Pembelajaran Di Bilik Darjah. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, Vol.2. hlm. 18 – 36.